

Pameran udara catat
urus niaga RM1.3 bilion **2**

Kerja roboh stadium
selesai Mei 2025 **6**

Tumpu bangunkan
produk tani moden **7**

PTGS rampas 480 tan
pasir, tanah **6**

selangorkini

PERCUMA

PP 19570/07/2020 (035196)

EDISI 19 - 25 SEPTEMBER 2024

www.selangorkini.my

Kajian kes GISBH ke jawatankuasa fatwa

Mais arah kajian sejak 2020 dibentang kepada Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor untuk putuskan persoalan berkaitan hukum syarak merangkumi penglibatan dengan ajaran sesat al-Arqam

MUKA 3

Perluas tuisyen percuma ke sekolah rendah

Program Tuisyen Rakyat Selangor diperluas ke sekolah rendah mulai tahun depan ekoran lebih 22,000 murid darjah tiga hingga enam ada masalah kemahiran membaca, menulis dan mengira

MUKA 4



Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah (tengah) berkenan menyampaikan Anugerah Tokoh Maulidur Rasul 1446H kepada Prof Madya Dr Abdul Rauf Hassan di masjid negeri, Shah Alam pada 16 September 2024. Turut hadir Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari (dua, kiri), Setiausaha Kerajaan Negeri Dato' Setia Haris Kasim (dua, kanan), EXCO Agama Islam Dr Mohammad Fahmi Ngah (kiri) dan Pengarah Jabatan Agama Islam Dato' Mohd Shahzihan Ahmad (kanan). Foto MOHD KHAIRUL HELMY MOHD DIN ► BERITA MUKA 5

pancawarna

Jualan murah kini di pasar raya



Ehsan Mart memudahkan beli barang dapur pada harga lebih rendah

9

Rumi jadikan sebutan bunyi janggal



Tulisan jawi lebih tepat memberi makna perkataan dalam bahasa Melayu

10

Berlakon atas longgokan sampah



Artis ambil risiko kesihatan berkampung sebulan di tapak pelupusan

15

Rasulullah suri teladan umat Islam

SHAH ALAM - Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Selangor dan DYMM Tengku Permaisuri Selangor mengajak umat Islam menjadikan Nabi Muhammad SAW sebagai suri teladan dalam kehidupan.

Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj dan Tengku Permaisuri Hajah Norashikin juga menyeru umat Islam supaya menguatkan kecintaan kepada Rasulullah SAW dengan mengamalkan sunah-sunah Baginda.

Melalui Selangor Royal Office di Facebook, Baginda berdua turut mengingatkan kecintaan terhadap Rasulullah SAW bukan semata-mata mengingati tanggal kelahiran sahaja.

"Suri teladan dalam setiap aspek kehidupan, mengakui kebenaran yang dibawa, mengkaji kehebatan serta mengagungkan kemuliaan dan kebesaran Nabi Muhammad sebagai pesuruh Allah SWT.

"la hendaklah disematkan di dalam jiwa dan setiap detik nadi yang berdenyut," titah Baginda pada 15 September sempena sambutan Maulidur Rasul.

Tengku Amir lawat Pavilion Selangor

SUBANG JAYA - Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor berkenan mengunjungi Pavilion Selangor pada Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) 2024 di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (Maeps) di sini pada 17 September.

Diiringi EXCO Kemajuan Desa Datuk Rizam Ismail, Tengku Amir Shah memulakan lawatan ke gerai pempamer Agrotrade yang menjual produk keluaran usahawan tempatan.

Baginda kemudian mengunjungi pameran ruminan haiwan ternakan Jabatan Veterinar Malaysia dan laman Institut Penyelidikan Perikanan.

Tengku Amir turut mengunjungi laman Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia bagi melihat galeri kolam ikan air tawar dan akuakultur sebelum berangkat pulang.

IMBAS DI SINI
akhbar digital minggu lepas



Raja Muda sertai pembersihan sungai

SHAH ALAM - Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah mencemar duli menyertai Projek Pembersihan Sungai Klang anjuran Putra Business School (PBS).

Diiringi EXCO Belia Najwan Halimi dan Presiden PBS Profesor Dr Azmawani Abd Rahman bersama 150 sukarelawan, Baginda membersihkan sungai itu di Kelab Kapal Layar Diraja Selangor, Klang.

Sebanyak 700 kilogram sampah dikutip sepanjang lebih tiga jam program tersebut berlangsung pada 14

September yang tertumpu kepada kerja pembersihan di tebing dan kawasan perairan.

"Baginda selaku Canselor PBS menyokong usaha pembersihan Sungai Klang dan berharap usaha itu mendorong orang ramai untuk bersama-sama menjaga alam sekitar.

"Program ini merupakan permulaan kepada PBS untuk memberi kesedaran kepentingan penjagaan sungai dan penjagaan alam," menurut Selangor Royal Office di Facebook.

Najwan pula menjelaskan Kerajaan

Negeri sentiasa mendukung program menjaga alam sekitar melalui penglibatan masyarakat.

"Inisiatif seumpama ini yang bukan sahaja membantu memulihara kelestarian Sungai Klang tetapi menyemarakkan semangat kesukarelawanan dalam kalangan masyarakat khususnya belia," katanya.

Projek Pembersihan Sungai Klang antara inisiatif tanggungjawab sosial korporat PBS bersama RSYC, Raja Muda Selangor International Regatta, Putra Student Association dan Cuci Malaysia.

25,000 kunjungi pameran udara

Catat urus niaga RM1.3 bilion

Oleh **DANIAL DZULKIFLY & SHEEDA FATHIL**

SHAH ALAM - Pameran Udara Selangor (SAS) 2024 selama tiga hari berakhir pada 14 September yang menarik kehadiran lebih 25,000 pengunjung mencatat nilai transaksi lebih RM1.3 bilion.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif Invest Selangor Berhad Dato' Hasan Azhari Idris, jumlah itu naik berbanding tahun lalu sekali gus memperkukuh kedudukan SAS sebagai pameran terkemuka di rantau ini.

Beliau menambah penyertaan syarikat

domestik dan antarabangsa juga bertambah termasuk pakar komponen pesawat, sistem, bahan dan perkhidmatan penyelenggaraan, pembaikan dan baik pulih.

"Dengan momentum tahunan pertunjukan ini, orang ramai semakin menantikannya. SAS mengukuhkan usaha negeri untuk menjadi pemain utama industri," katanya pada hari terakhir pameran.

Sebelum ini, Kerajaan Selangor menetapkan sasaran nilai urus niaga sebanyak RM1.3 bilion, peningkatan 50 peratus berbanding pencapaian dalam program sama pada tahun lalu

iaitu RM832 juta.

Mengakui wujud saingan ekoran Indonesia turut mengadakan Pameran Udara Antarabangsa Bali antara 18 hingga 21 September, Hasan berkata acara tersebut berbeza dengan penjurusan SAS.

Beliau memberitahu SAS dijayakan Invest Selangor dengan kerjasama Kerajaan Negeri manakala program di Bali itu pula kendalian penganjur luar dengan bajet yang jauh lebih besar.

"Kami juga akan memperhalusi dan meneliti penambahbaikan infrastruktur bagi memastikan SAS kekal sebagai acara tumpuan dan berprestij," katanya lagi.

Pameran utama di Asia Tenggara

SHAH ALAM - Pameran Udara Selangor (SAS) bakal menjadi pertunjukan aeroangkasa terkemuka di Asia Tenggara sekali gus antara terbaik di Asia menjelang 2030, kata Dato' Menteri Besar.

Dato' Seri Amirudin Shari memberitahu penganjur SAS membuktikan Selangor hab penerbangan utama di rantau ini ekoran program edisi keempat itu makin lama makin berkembang saban tahun.

"Memandangkan Selangor berhasrat

untuk mengukuhkan kedudukan sebagai pintu masuk ke Asean, SAS bersedia mewakili rantau ini, sebuah wilayah yang menempatkan lebih 680 juta penduduk.

"Kami mempunyai sasaran menajirkan SAS pertunjukan udara terkemuka di Asia Tenggara dan antara yang terbaik di Asia menjelang 2030.

"Malah, ada negara jiran yang kini berhasrat menganjurkan pertunjukan udara mereka sendiri selepas melihat

kejayaan SAS," katanya dalam majlis pelancaran pada 12 September.

Amirudin juga menjelaskan sektor penerbangan yang berdepan cabaran ketika pandemik Covid-19 semakin pulih, malah ada keperluan untuk meningkatkan keupayaan industri berkenaan.

Katanya, Selangor berhasrat menjadi hab perdagangan utama Asean dengan mewujudkan ekosistem kondusif, bakat mahir dan pembangunan mampan melalui Rancangan Selangor Pertama.

Ke arah peneraju hab aeroangkasa

SHAH ALAM - EXCO Pelaburan Ng Sze Han percaya Selangor menuju ke arah peneraju hab industri aeroangkasa terkemuka di Asia Tenggara.

Beliau menjelaskan sebanyak 67 peratus ekonomi aeroangkasa negara berpangkalan di negeri ini yang turut memiliki kemudahan ekosistem aeroangkasa yang serba lengkap.

Katanya, Selangor juga mengusa-

hakan beberapa projek strategik bagi mengembangkan kegiatan aeroangkasa bersama syarikat terkemuka antaranya Dassault Aviation dan Collins Aerospace.

Beliau menambah inisiatif lain disediakan termasuk Taman Aero Selangor dan Program Perantis Aeroangkasa Selangor (SAAP) bagi memenuhi sasaran 32,000 pekerja mahir menjelang 2030.

"Inisiatif tersebut penting dalam memacu pertumbuhan ekonomi dan mewujudkan peluang pekerjaan berpendapatan tinggi untuk penduduk Selangor," katanya pada 12 September.

Sze Han menjelaskan sebahagian besar pelaburan RM55.3 bilion yang diraih Kerajaan Selangor pada tahun lalu hasil sumbangan sektor aeroangkasa yang kian berkembang pesat.



CERIA... Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah berkenan mengunjungi pameran ruminan haiwan ternakan Jabatan Veterinar Malaysia sempena Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia 2024 di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang, Subang Jaya pada 17 September. Foto Istana Selangor

Rungkai penglibatan Global Ikhwan

Bentang kajian ke jawatankuasa fatwa

Oleh **SHEEDA FATHIL**

SHAH ALAM - Majlis Agama Islam Selangor (Mais) mengarahkan semua hasil kajian dan perbincangan berkaitan Global Ikhwan Service and Business Holding (GISBH) dibentang kepada Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor.

Pengerusi Mais Tan Sri Abdul Aziz Mohd Yusof berkata ia bagi merungkai segera persoalan berhubung penglibatan GISBH dan semua rangkaiannya dalam penyebaran ajaran yang menyeleweng daripada Islam.

"Mais telah mulakan kajian ber-

hubung penglibatan GISBH dan rangkaiannya dalam penyebaran dan amalan ajaran menyeleweng daripada agama Islam sejak 2020.

"Malah, perkara ini juga turut dibincang secara serius dalam beberapa siri perbincangan dan mesyuarat di peringkat jawatankuasa Mais sebelum berita berhubung kes ini tular baru-baru ini," katanya dalam kenyataan pada 17 September.

Berdasarkan hasil kajian itu, Abdul Aziz berkata penglibatan GISBH dalam ajaran Kumpulan Al-Arqam dan rangkaiannya telah diharamkan menurut fatwa yang diwartakan di Selangor pada

4 Februari 1993, 11 Ogos 1994 dan 21 Disember 2006.

"Tindakan ini dibuat selaras dengan seksyen 47 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003.

"Mais menyatakan komitmen yang jitu untuk membanteras isu akidah termasuk penyebaran ajaran menyeleweng daripada agama Islam agar ia tidak terus berleluasa di negeri ini," katanya.

Abdul Aziz menegaskan Mais dan semua agensi hal ehwal Islam di Selangor sama sekali tidak berkompromi dengan GISBH atau rangkaiannya atau mana-mana pihak yang terlibat dengan kesalahan akidah.

Pantau kes peralat kanak-kanak

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri tidak teragak-agak menarik lesen operasi mana-mana pusat tahfiz atau sekolah agama yang terlibat dalam perbuatan mengeksploitasi kanak-kanak dan agama Islam.

EXCO Agama Islam Dr Mohammad Fahmi Ngah mengingatkan Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) giat memantau dan menyemak pendaftaran semua pusat tahfiz serta sekolah agama di negeri ini.

"Kerajaan Selangor akan memasti-

kan keselamatan pusat tahfiz dan sekolah agama dari menjadi pusat eksploitasi kanak-kanak dan sebaran ajaran yang bercanggah dengan agama Islam.

"Kerajaan Selangor sentiasa bertanggungjawab dalam menjamin kesucian agama Islam dari anasir jahat dan sesat yang memudaratkan umat Islam," katanya dalam kenyataan pada 13 September.

Beliau turut meminta orang awam yang ada maklumat berkaitan institusi agama yang melakukan perkara terla-

rang untuk melaporkan terus kepada Jais menerusi talian 1800-88-2424.

"Sebuah pasukan siasatan khas Jais ditubuhkan dan sedang giat aktif menjalankan siasatan. Saya harap tindakan tegas segera diambil untuk kesalahan yang berjaya dibuktikan," katanya.

Pada 11 September, polis menahan 171 individu dalam serbuan ke atas 20 rumah amal di Selangor dan Negeri Sembilan yang didakwa mengeksploitasi kanak-kanak dan agama melalui Op Global.

Tiada aktiviti GISBH di premis negeri

KUALA SELANGOR - Tiada aktiviti Global Ikhwan Service and Business Holding (GISBH) dilaporkan beroperasi di mana-mana premis hartanah milik Kerajaan Negeri, kata EXCO perumahan.

Datuk Borhan Aman Shah berkata semakin sistem Lembaga Perumahan Hartanah Selangor (LPHS) mendapati tiada pendaftaran pemilikan hartanah oleh pertubuhan terbabit.

"Dalam LPHS memang tidak ada nama pertubuhan GISBH atau agensi mereka, tapi kalau persendirian kita tidak pasti kerana ia di luar kawalan kita.

"Kalau ada aduan kita akan ambil tindakan kerana akta dalam kehidupan kediaman, kita tidak boleh sewa kepada pendatang asing, adakan aktiviti komersial, ganggu ketenteraman awam atau lakukan aktiviti yang melanggar undang-undang," katanya pada 17 September.

Jais beri kerjasama penuh

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri menyerahkan sepenuhnya kepada polis untuk menyiasat kes eksploitasi kanak-kanak dan agama Islam membabitkan Global Ikhwan Service and Business Holding (GISBH).

EXCO Agama Islam Dr Mohammad Fahmi Ngah berkata Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) dan agensi berkaitan sudah memberi kerjasama yang diperlukan untuk melengkapkan siasatan polis.

"Kerajaan Negeri bersedia dan telah beri kerjasama penuh kepada pihak berkuasa. Tunggu kenyataan lanjut dari Majlis Agama Islam Selangor (Mais)," katanya pada 14 September.

Ahli Global Ikhwan didakwa ugut wanita

SHAH ALAM - Seorang ahli perniagaan yang juga anggota Global Ikhwan Services and Business Holding (GISBH) mengaku tidak bersalah di Mahkamah Majistret Putrajaya atas pertuduhan melakukan ugutan jenayah terhadap seorang wanita pada 9 September.

Tertuduh Mohamad Riza Makar, 39, membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Majistret Ahmad Afiq Hasan, lapor Bernama.

Mohamad Riza didakwa Bawah Seksyen 506 Kanun Keseksaan kerana menakutkan secara jenayah seorang wanita berusia 25 tahun dengan niat menyebabkan kegentaran, di tempat letak kenderaan di Presint 4.

Tertuduh yang mempunyai tiga isteri dan 10 anak itu didakwa menggugut wanita berkenaan dengan mengatakan "kita tunggu, kami tahu dekat mana rumah, suami dan keluarga" dengan niat hendak menyebabkan kegentaran supaya wanita itu yang juga bekas ahli GISBH, menarik balik laporan polis yang dibuatnya.

Sistem e-tanah memudahkan urusan

KLANG - Isu pertindihan hak milik tanah keluarga pelakon Ammar Baharin hampir selesai hasil penggunaan sistem pentadbiran tanah secara elektronik (e-Tanah).

Menurut Pengarah Tanah dan Galian Selangor (PTGS) Dato' Dr Yusri Zakariah, pelaksanaan sistem e-Tanah sejak November tahun lalu memudahkan urusan pertikaian isu pertindihan pemilikan tanah.

"Untuk kes ini, kita panggil semua pihak terlibat membabitkan tujuh pemilik tanah. Setakat ini, proses milikan tanah hampir selesai iaitu serahan tanah mengikut lokasi ditetapkan.

"Pertindihan berlaku kerana isu teknikal tetapi telah dibetulkan menggunakan sistem e-Tanah. Dengan sistem ini, isu pertindihan diselesaikan dengan sistematik," katanya pada 13 September.

April lalu, Ammar membangkitkan perkara itu di media sosial sebelum keluhannya mendapat perhatian Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari yang menjelaskan tanah itu diratifikasi semula.

100 syarikat sertai Pemecut Selangor

KUALA LUMPUR - Seratus syarikat pemula terpilih menyertai program Pemecut Selangor (SAP24) dan Selangor E-Commerce Xccelerator (ECX24), kata Perbadanan Teknologi Maklumat dan Ekonomi Digital Selangor (Sidec).

Ketua Pegawai Eksekutifnya Yong Kai Ping berkata pemilihan dibuat mengikut beberapa bidang utama antaranya kecerdasan buatan, mobiliti pintar, makanan dan minuman serta kesihatan.

Katanya, Sidec menerima lebih 550 permohonan sekali gus menunjukkan minat usahawan sekali gus mencerminkan pengiktirafan Selangor sebagai hab inovasi dan pembangunan perniagaan.

"Proses pemilihan dibuat dengan teliti bertujuan untuk memberi sokongan kepada usahawan berimpak tinggi dalam membangunkan syarikat berpotensi besar," katanya pada 10 September.

Menurut Kai Ping lagi, pemenang ECX24 akan membawa pulang trofi, sijil, wang tunai dan peluang pelaburan selain berpeluang menyertai program ByteDance TikTok di Shanghai, China.

Katanya, lawatan antarabangsa eksklusif itu untuk peserta terpilih dengan fokus yang disesuaikan mengikut perniagaan masing-masing.

120,000 ikuti kelas dalam talian

SHAH ALAM - Seramai 130,000 pelajar tingkatan empat dan lima mengikuti pembelajaran percuma melalui Program Tuisyen Rakyat Selangor (PTRS) pada tahun ini.

Ketua Yayasan Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI Ahmad Azri Zainal Nor berkata seramai 10,000 pelajar menghadiri kelas secara fizikal di sekolah.

Katanya, pelajar dari keluarga kurang berkemampuan dibantu meningkatkan prestasi dalam mata pelajaran bahasa

Melayu, bahasa Inggeris, matematik, matematik tambahan, sains dan sejarah.

Beliau menjelaskan seramai 65,000 calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) mengikuti PTRS pada tahun lalu dan bilangannya ditambah lagi 65,000 pelajar tingkatan empat pada tahun ini.

"PTRS dibuka meliputi semua sekolah menengah di Selangor. Satu sekolah dibenar buka hingga dua kelas. Setiap kelas ada lebih kurang 40 pelajar.

"Mereka akan diberi makan yang dibekal kantin sekolah. Guru dibayar

elaun RM50 untuk setiap mata pelajaran," katanya baru-baru ini.

Beliau menjelaskan peruntukan PTRS juga ditambah kepada RM10 juta berbanding RM7 juta pada tahun lalu demi meningkatkan lagi prestasi pelajar selain membangunkan aplikasi e-PTRS.

"Mereka belajar di kelas tambahan tanpa yuran melalui telefon pintar atau tablet. Pengguna boleh akses Video Pecutan Akhir, Video Pengajaran dan Pembelajaran dan eBook PTRS," katanya.

Atasi keciciran kemahiran 3M

Tuisyen percuma sekolah rendah

Oleh **FITRI HAZIM HAZAM**

SHAH ALAM - Program Tuisyen Rakyat Selangor (PTRS) diperluas ke semua sekolah rendah di negeri ini mulai tahun depan, menurut Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI.

Ketua Yayasannya Ahmad Azri Zainal Nor memberitahu inisiatif pembelajaran percuma itu diadakan demi mengatasi masalah keciciran kemahiran membaca, menulis dan mengira (3M).



Beliau menjelaskan lebih 22,000 murid dari darjah tiga hingga enam ada masalah 3M berdasarkan data Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) akibat kekangan akses pembelajaran semasa pandemik.

"Kita akan buat bengkel yang menghimpunkan modul PTRS, modul Kementerian Pendidikan Malaysia dan modul JPN Selangor untuk tangani isu ini," katanya pada 13 September.

Menurut Ahmad Azri lagi, usaha memperluas program berkenaan ke sekolah rendah bertujuan memenuhi sasaran 200,000 pelajar yang menerima manfaat tuisyen percuma

pada tahun depan.

"Sekarang kita ada 130,000 pelajar menengah, jadi kita rancang perluas hingga ke sekolah rendah menuju sasaran 200,000 orang.

"Ia langkah awal kita melalui manifesto yang dibuat Kerajaan Perpaduan pada pilihan raya negeri lalu untuk meningkatkan jumlah pelajar PTRS hingga angka 200,000," katanya lagi.

PTRS adalah bantuan kelas tambahan bahasa Melayu, bahasa Inggeris, matematik, matematik tambahan, sains dan sejarah untuk pelajar daripada keluarga berpendapatan rendah yang prestasi pelajaran sederhana atau lemah.

e-PTRS tarik perhatian pelajar luar

SHAH ALAM - Lebih 1,000 pengguna termasuk pelajar luar Selangor memuat turun aplikasi Program Tuisyen Rakyat Selangor (e-PTRS) sejak mula dilancar pada bulan lalu.

Ketua Yayasan Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI berkata aplikasi itu memuatkan soalan ramalan, modul dan rakaman pembelajaran yang boleh diakses pada bila-bila masa.

Ahmad Azri Zainal Nor menjelaskan perkembangan tersebut menunjukkan kemudahan tersebut bukan

hanya memanfaatkan pelajar di Selangor bahkan e-PTRS turut diketahui di negeri lain.

"Maksudnya bekalan modul pembelajaran ini bukan terhad kepada negeri Selangor sahaja. Bahkan modul kita ini turut dikenali di negeri lain.

"Aplikasi ini turut dilengkapi dengan ciri pentadbiran, yang digunakan semua guru penyelaras PTRS untuk tuntutan elaun dan makanan," katanya baru-baru ini.

Beliau juga memaklumkan MBI akan mengadakan siri jelajah ke seko-

lah seluruh negeri bagi mempromosi penggunaan aplikasi berkenaan yang dilancar pada 13 Ogos.

Sebelum ini, Dato' Menteri Besar memberitahu modul PTRS ditambah baik dengan membangunkan aplikasi dalam talian bagi memudahkan 130,000 pesertanya untuk mengakses bahan pembelajaran.

Menurut Dato' Seri Amirudin Shari lagi, pentadbiran negeri giat meneliti keperluan untuk memberi data internet percuma bagi membantu mereka mengulang kaji pada bila-bila masa.

WAKTU SOLAT	19-25 SEPTEMBER 2024 16-21 RABULAWAL 1446H	Hulu Selangor, Gombak, Petaling, Shah Alam, Hulu Langat dan Sepang							Klang dan Kuala Langat							Sabak Bernam dan Kuala Selangor						
		Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
	19 Khamis	5:46	5:56	7:02	1:10	4:13	7:12	8:21	5:47	5:57	7:03	1:10	4:13	7:13	8:22	5:48	5:58	7:04	1:12	4:16	7:15	8:24
	20 Jumaat	5:46	5:56	7:02	1:09	4:14	7:12	8:21	5:46	5:56	7:03	1:10	4:14	7:12	8:21	5:48	5:58	7:03	1:12	4:16	7:14	8:23
	21 Sabtu	5:46	5:56	7:01	1:09	4:14	7:11	8:20	5:46	5:56	7:02	1:10	4:14	7:12	8:21	5:48	5:58	7:03	1:11	4:16	7:14	8:23
	22 Ahad	5:45	5:55	7:01	1:09	4:14	7:11	8:20	5:46	5:56	7:02	1:09	4:14	7:11	8:20	5:48	5:58	7:03	1:11	4:17	7:13	8:22
	23 Isnin	5:45	5:55	7:01	1:08	4:14	7:10	8:19	5:46	5:56	7:02	1:09	4:14	7:11	8:20	5:47	5:57	7:03	1:11	4:17	7:13	8:22
	24 Selasa	5:45	5:55	7:01	1:08	4:15	7:10	8:19	5:45	5:55	7:02	1:08	4:15	7:11	8:19	5:47	5:57	7:02	1:10	4:17	7:12	8:21
	25 Rabu	5:45	5:55	7:00	1:08	4:15	7:10	8:18	5:45	5:55	7:01	1:08	4:15	7:10	8:19	5:47	5:57	7:02	1:10	4:17	7:12	8:21

Suntik semangat Tokoh Maulidur Rasul

Mahu kembangkan pengajian al-Quran

Oleh SUHAILA SHAHRUL ANNUAR

SHAH ALAM - Ahli akademik Prof Madya Dr Abd Rauf Hassan yang dinobatkan Tokoh Maulidur Rasul peringkat negeri mahu terus mengembangkan pengajian al-Quran dan bahasa Arab di Selangor.

Ketua Jabatan Bahasa Asing Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi Universiti Putra Malaysia itu menyifatkan anugerah tersebut menyuntik semangatnya untuk berbakti dalam bidang berkenaan.

"Sebagai hakim musabaqah tilawah, saya melihat ini usaha murni Kerajaan Selangor memberi ruang untuk kami terus kembangkan al-Quran dan bahasa Arab," katanya pada 16 September.

Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah berkenan

menyampaikan anugerah tersebut mewakili Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj.

Majlis yang berlangsung di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah itu turut disaksikan Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari dan EXCO Agama Islam Dr Mohammad Fahmi Ngah.

Dr Abd Rauf, 53, yang juga anggota Jawatankuasa Pembangunan Pendidikan Islam dan Tahfiz Majlis Agama Islam Selangor (Mais) turut menerima wang tunai RM20,000, trofi dan sijil.

Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor ketika mengumumkan beliau sebagai penerima berkata Dr Abdul Rauf banyak memberi sumbangan ke arah perkembangan agama dan umat Islam di negeri ini.

Menurut Dato' Mohd Shahzihan Ahmad lagi, Dr Abd Rauf banyak memberi

inisiatif kepada usaha penyusunan pelbagai mashaf al-Quran dengan panduan waqaf dan ibtida'.

"Penghasilannya dilihat melalui siri penerbitan buku beliau antaranya Mushaf al-Mujawwad Perjuzuk, Mushaf Kamil Dengan Panduan Waqaf Dan Ibtida' dan Mushaf al-Mujawwad," katanya.

Beliau juga menambah Dr Abd Rauf turut terlibat dalam pelbagai kegiatan kemasyarakatan dan persatuan termasuk beberapa lajnah dan jawatankuasa yang memerlukan kepakarannya.

Setiausaha Kerajaan Negeri Dato' Setia Haris Kasim berkata selaras tema sambutan Maulidur Rasul 'Al-Falah Pemacu Malaysia Madani', umat Islam diajak merenung dan mengambil inspirasi keperibadian mulia Rasulullah SAW dalam membina masyarakat cemerlang, berdaya saing berteraskan nilai Islam yang syumul.

Tangkap 2.6 tan ikan bandar raya

SHAH ALAM - Sejumlah 2.6 tan ikan bandar raya ditangkap sepanjang lima hari program pemburuan ikan asing itu bermula pada 1 September.

Timbalan setiausaha Pertubuhan Komuniti Pemburu Ikan Bandaraya berkata perkembangan itu menunjukkan program berkenaan menerima sambutan menggalakkan daripada orang ramai.

"Hasil daripada tangkapan ikan bandar raya dilihat semakin berkurangan malahan ia juga dapat membantu nelayan darat mendapatkan hasil ikan program 1 kilogram (kg) RM1 dengan menggunakan jala.

"Setiap minggu kita menerima kira-kira 100 peserta, ada dalam kalangan orang yang sama ada juga berbeza," kata Muhammad Izwan Ismail pada 16 September.

Beliau berharap orang ramai terus menyokong program dilaksana setiap hujung minggu hingga 29 September ini bagi menjayakan inisiatif memulihara sungai dan ekosistem spesies tempatan.

Bermula 1 September, Kerajaan Negeri memperuntuk RM50,000 untuk program tersebut dengan sasaran 50 tan tangkapan.

Tawaran insentif RM1 bagi setiap kg tangkapan ikan bandar raya di Denai Sungai Kebangsaan mulai 8 pagi hingga 1 tengah hari.

MALAYSIA MADANI

HIMPUNAN KEADILAN

SUARA RAKYAT

SUARA KERAMAT

DARI REFORMASI KE MALAYSIA MADANI

STADIUM AXIATA BUKIT JALIL

20 SEPTEMBER 2024

8:00 MALAM

SEMUA DIJEMPUT HADIR

Teruskan dana Selangor Penyayang

KUALA LANGAT - Peruntukan Projek Selangor Penyayang (PSP) wajar diteruskan bagi memudahkan wakil rakyat menyelesaikan masalah penduduk setempat terutama membaik pulih kemudahan awam.

EXCO Perumahan Datuk Borhan Aman Shah menjelaskan pihaknya menggunakan dana RM250,000 bagi membaiki jalan rosak, balai raya, gelanggang futsal dan menyediakan tapak parkir kenderaan.

"Saya harap peruntukan PSP diteruskan lagi (dalam Belanjawan 2025), cuma mungkin perlu dikaji juga dari segi bilangan penduduk sesebuah kawasan.

"Kawasan besar yang ada penduduk ramai mungkin boleh dipertimbangkan lebih demi pembangunan dan kesejahteraan rakyat," kata wakil rakyat Tanjung Sepat itu pada 15 September.

Ekspo niaga sasar jualan RM2 juta

SHAH ALAM - Ekspo Usahawan Selangor (SELBIZ 2024) anjuran Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) mulai 4 hingga 6 Oktober menyasarkan transaksi jualan bernilai RM2 juta.

Pengurus Pembangunan Usahawan PKNS Yuzawati Yusof yakin sasaran itu boleh dicapai hasil penglibatan lebih 200 pempamer dari pelbagai industri yang dijangka menarik 45,000 pengunjung.

"Kita menasabah meraih transaksi jualan RM2 juta dengan kekuatan vendor dan pempamer yang ada termasuk dari Indonesia," katanya dalam program bual bicara Hai Selangor pada 12 September.

Beliau juga yakin program bertema Melangkah Lebih Jauh di Pusat Konvensyen Setia City itu dapat meluaskan lagi pasaran perniagaan usahawan seterusnya menyumbang kepada ekonomi negeri.

Daftar program bimbingan usahawan

SHAH ALAM - Usahawan dan pempengaruh dipelawa untuk menyertai program keusahawanan digital secara percuma dalam Program Selangor 1,000 Digital di Hotel Mercure Selangor, Gombak.

Menurut Perbadanan Teknologi Maklumat dan Ekonomi Digital Selangor (Sidec), pendaftaran untuk program pada 3 Oktober boleh dibuat melalui pautan tinyurl.com/S100DGombak

"Terhad kepada 200 peserta, jangan lepaskan peluang belajar secara percuma daripada pakar industri," kata kenyataan di Facebook.

Pengisian program tersebut antaranya menimba ilmu berkaitan e-dagang dan pendigitalan daripada pakar industri termasuk TikTok Shop, Touch 'n Go eWallet dan Maxis Business.

Kerja roboh stadium selesai Mei 2025

KLANG - Kerja meroboh Stadium Shah Alam dijangka selesai sepenuhnya pada Mei tahun depan, kata EXCO Sukan Najwan Halimi.

Beliau memberitahu pembangunan Kompleks Sukan Shah Alam (KSSA) juga berjalan serentak, bergantung kepada tahap perobohan.

"Proses pembinaan pula kita cuba mula sekarang ini bergantung pada tahap proses perobohan stadium," katanya pada 15 September.

Najwan juga menjelaskan tiada aduan penduduk setempat berkaitan berhubung kacau ganggu kerja meroboh stadium berkenaan meski kualiti udara sedikit terjejas selain masalah debu.

"Di media sosial, komen sentimental yang berkongsi kenangan mereka di stadium itu tetapi kita perlu teruskan demi penambahbaikan stadium dan membangunkan sukan di Selangor," katanya.

Sebelum ini, Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) memaklumkan pembangunan KSSA membabitkan tiga fasa dijangka siap sepenuhnya menjelang 2029.

Fasa pertama membabitkan perobohan dan pembinaan semula stadium diikuti pembangunan teater tertutup, sayap sukan dan kawasan rekreasi (fasa dua) disusuli pembinaan terminal bersepadu dan hotel dalam fasa tiga.

Karnival kerjaya pameran udara

Potensi cari bakat baharu aeroangkasa

Oleh **YASMIN RAMLAN**

SHAH ALAM - Karnival kerjaya sempena Pameran Udara Selangor (SAS) platform penting untuk majikan mencari pekerja yang mahu meneroka peluang dalam bidang penerbangan dan aeroangkasa.

Menurut Eksekutif Sumber Manusia Airod Aerospace Technology Sdn Bhd Muhammad Rizman Azhari, acara itu medan terbaik untuk mencari pekerja yang sesuai untuk industri penerbangan.

"Cabaran terbesar, kami ada banyak pesaing dalam industri. Kami mahu latar belakang dan jenama kukuh untuk menarik pekerja sertai kami melalui pameran ini," katanya pada 14 September.

Beliau menambah isu utama yang melanda firma tempatan antaranya bakat baharu lebih berminat bekerja dengan syarikat luar negara berikutan tawaran gaji dan faedah yang lebih menarik.


Pandangan itu juga diakui pengarah penyelenggaraan Subang MRO Sdn Bhd K Parthiban yang menyifatkan pandemik antara punca jurutera berpengalaman berhijrah hingga menjiskan industri tersebut.

"Pameran kerjaya menawarkan peluang unik untuk syarikat kami merekrut pekerja berkemahiran tinggi, menangani kekurangan tenaga kerja terbaik dalam pasaran pekerjaan," katanya lagi.

Muhammad Erhan Emir, 22, yang menghadiri temu duga kru kabin pula menganggap persaingan mendapatkan kerja tinggi kerana ramai berminat untuk menceburi industri penerbangan.

"Di sini, kita boleh menjadi diri sendiri dan menggambarkan keyakinan kita, berbeza temu duga dalam talian, penemu duga mungkin tidak dapat melihat diri kita yang sebenar," katanya.

Lebih 2,000 peluang kerja dalam bidang penerbangan dan aeroangkasa ditawarkan dalam karnival sempena SAS pada 13 dan 14 September di Pusat Penerbangan Serantau (RAC) Skypark di sini.



Karnival alam sekitar 13 Oktober

SHAH ALAM - EXCO Alam Sekitar Jamaliah Jamaluddin mengajak orang ramai termasuk golongan peniaga memeriahkan Karnival Alam Sekitar Selangor 2024 pada 13 Oktober.

Beliau memberitahu program berkenaan bertujuan memberi kesedaran kepada masyarakat mengenai pentingnya menjaga alam sekitar selain mempromosi dan menyokong kempen bebas plastik.

"Kita mengalu-alukan orang ramai bawa keluarga ke karnival ini bagi memeriahkan lagi suasana dengan mengikut pelbagai program menarik yang disediakan," katanya pada 15 September.

Karnival tersebut yang dijadual berlangsung di Taman Tasik Milenium, Kuala Kubu Bharu, Hulu Selangor bakal disempurnakan Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah.

Jamaliah juga menambah Tengku Amir Shah turut berkenan merasmikan anak tapir yang baharu lahir pada Julai selain menanam beberapa pokok dalam program berkenaan.

Pengusaha produk mesra alam, barangan tempatan dan seni kraf tangan boleh membuka reruai dengan membuat pendaftaran menerusi pautan www.tiny.cc/KAS2024 sebelum 30 September.

PTGS rampas 480 tan pasir, tanah

KLANG - Pejabat Tanah dan Galian Selangor (PTGS) merampas kira-kira 480 tan pasir dan tanah yang dianggarkan bernilai RM1 juta dalam operasi bersepadu khazanah pada 11 September.

Pengarahnya Dato' Dr Yusri Zakariah berkata operasi bersama Polis Marin Wilayah 1 Pelabuhan Klang meliputi pesisir pantai sepanjang 291 kilometer

dan kawasan darat di lima daerah di negeri ini.

Beliau berkata enam lori dari Klang dan Kuala Langat ditahan selain di Nilai, Negeri Sembilan yang setiap kenderaan itu membawa 60 tan pasir atau tanah dengan purata harga RM35 setan.

"Dipercayai tanah dan pasir itu untuk projek tambakan pesisir pantai, bukan-

nya tapak binaan. Semua pemandu ditahan dan kita akan memanggil pemilik syarikat," katanya pada 13 September.

Dr Yusri memberitahu pihaknya juga akan mempertingkatkan operasi sedemikian bagi membanteras penyeludupan itu termasuk melakukan penyamaran bagi mengekang ketirisan hasil bumi Selangor.



TELITI... EXCO Perumahan Datuk Borhan Aman Shah (tengah) melihat replika pembangunan selepas merasmikan Majlis Publisiti dan Penyertaan Awam Draf Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Kuala Selangor 2035 (Penggantian) di Puncak Alam, Kuala Selangor pada 17 September. Foto MOHD KHAIRUL HELMY MOHD DIN ▶ BERITA MUKA 21

Jamin bekalan makanan masa depan

Tumpu bangunkan produk tani moden

Oleh **SUHAILA SHAHRUL ANNUAR**

SUBANG JAYA - Pembangunan pelbagai produk pertanian moden dan bernilai tinggi antara tumpuan utama bagi memajukan lagi sektor berkenaan pada tahun depan, kata EXCO pertanian.

Menurut Ir Izham Hashim, penerokaan peluang bagi menjamin bekalan makanan selain meningkatkan pendapatan petani, penternak dan nelayan itu selaras Pelan Transformasi Agro Selangor (PeTA).

"Penerokaan pertanian moden ini penting untuk Selangor terutama pada masa depan, justeru tahun depan banyak lagi projek pertanian moden dan bernilai tinggi yang kita akan buat.

"Contohnya pembakaan lembu wagyu, angka J33, melon, halia dan cendawan dengan projek perintisnya telah ada tahun ini dan dikembangkan tahun depan," katanya pada 11 September.

PeTA diperkenal pada 2022 sebagai garis panduan memajukan sektor pertanian secara menyeluruh dan sistematik bagi meningkatkan pendapatan pengusaha melalui penggunaan teknologi moden dan baja organik.

Ir Izham juga menjelaskan produk ternakan bernilai tinggi seperti ikan Gourami, sejenis ikan air tawar giat dikembangkan di Bukit Cerakah, Puncak Alam dan Bukit Tagar, Hulu Selangor.

"Setakat ini, usahawan dari Selangor

satu-satunya di negara kita yang mengusahakan, peringkat pembenihan hinggalah komersial, belum ada lagi di negeri lain.

"Ikan ini mempunyai nilai komersial tinggi yang mana di Indonesia kita tahu ia adalah makanan utama mereka," katanya.

Beliau meninjau Pavilion Selangor sempena Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2024 di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (Maeps) Serdang berlangsung sehingga 22 September.

Pelbagai produk pertanian moden dan bernilai tinggi ditampilkan di Pavilion Selangor termasuk Vanilla Planifolia, sejenis tanaman orkid yang mempunyai nilai komersial tinggi.

Bina pusat kumpul jagung bijirin

SHAH ALAM - Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) membangunkan pusat pengumpulan jagung bijirin di Tanjung Sepat, Kuala Langat, kata ketua pegawai eksekutif kumpulannya.

Datuk Wira Dr Mohamad Khairil Mohamad Razi memberitahu proses pembinaan pusat seluas 300 ekar yang menempatkan mesin pengeringan dan penguraian itu mencapai 30 peratus setakat ini.

"Pusat pengumpulan ini turut

dilengkapi tempat penyimpanan yang mampu menampung kapasiti kira-kira 200 tan jagung.

"Setakat ini, tuaian jagung bijirin sedang dijalankan dan hasil tanaman menunjukkan perkembangan positif," katanya pada 10 September.

Beliau memaklumkan rombongan PKPS juga akan ke Sabah untuk bekerjasama bagi membincangkan hasrat memperluas projek tanaman jagung bijirin berkualiti tinggi.

"Kita adakan perbincangan sebelum

ini, kertas kerja telahpun dibentang. Kita adakan lawatan kerja sekali lagi dalam masa terdekat untuk meninjau tapak tanaman jagung bijirin," katanya.

Pada 21 Januari, Kerajaan Negeri menerusi PKPS menuai 118 tan hasil pertama jagung bijirin berkualiti tinggi yang mula ditanam pada tahun lalu.

Projek julung kali itu bertujuan mengurangkan kebergantungan kepada import makanan ayam sekali gus mengurangkan atau menstabilkan harga ayam di negeri ini.

Utama keselamatan di rumah kebajikan

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri akan meningkatkan kawalan dan pemantauan terhadap rumah kebajikan kanak-kanak bagi menjamin keperluan dan keselamatan warganya.

Menurut EXCO kebajikan masyarakat, tindakan sedemikian penting bagi memastikan kejadian eksploitasi kanak-kanak di rumah kebajikan seperti didedahkan baru-baru ini tidak berulang.

"Kerajaan Negeri mengutuk sekeras-kerasnya kejadian eksploitasi kanak-kanak yang berlaku ketika ini. Kita tidak mahu perkara ini terus berulang.

"Kerajaan Negeri akan memastikan kebajikan kanak-kanak yang menghuni rumah kebajikan terbela dan mereka mendapat hak yang sepatutnya" kata Anfaal Saari pada 13 September.

3.6 juta pengunjung setakat Jun

SHAH ALAM - Selangor yakin mencapai sasaran kehadiran tujuh juta pelancong tahun ini dengan menggandakan usaha bagi menarik pengunjung antarabangsa, kata EXCO pelancongan.

Menjelaskan 3.6 juta pelancong melawat setakat Jun, Ng Suee Lim berkata bilangan itu meliputi 70 peratus pelancong domestik dengan tarikan utama di Anjung Utara dan Anjung Selatan.

"Setiap kali orang tanya apa produk kita, saya cakap ada pakej pelancongan Anjung Utara merangkumi Sabak Bernam ke Kuala Selangor. Anjung Selatan pula meliputi Sepang dan Kuala Langat.

"Selangor ada banyak tapak warisan. Selangor juga ada banyak destinasi ekopelancongan dan semulajadi. Selangor ada semuanya seperti mini Malaysia," katanya baru-baru ini.

Asah kemahiran asuh kanak-kanak

SHAH ALAM - Pengasuh sekitar Selangor berpeluang menyertai Kursus Intensif Perkembangan Kanak-Kanak selama dua hari bermula 28 September di Hotel Acappella di sini.

Jawatankuasa Iltizam Penjagaan dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak (IMPAK) memaklumkan kursus siri ke-16 itu ditawarkan percuma terhad kepada 50 pengasuh terawal.

"Menerusi kursus ini peserta akan diajar teknik menjaga kebersihan diri dan persekitaran, penyediaan pemakanan sihat untuk kanak-kanak dan langkah-langkah keselamatan menjaga mereka," katanya menerusi Facebook pada 12 September.

Pendaftaran menerusi pautan bit.ly/daftarIMPAKmedsos dan pertanyaan lanjut hubungi 017-340 1364 (Farhana).

Kelas TikTok tingkat 87 peratus jualan

SHAH ALAM - Kelas strategi pemasaran di TikTok anjuran Yayasan Hijrah Selangor (Hijrah Selangor) berupaya membantu meningkatkan jualan usahawan sehingga 87 peratus.

Ketua Pegawai Eksekutifnya Dato' Mearia Hamzah berkata perniagaan 20 daripada 66 peserta menunjukkan peningkatan ketara selepas mengikuti kelas itu sejak awal Februari tahun ini.

"Pencapaian ini membuktikan usahawan yang hadir kelas anjuran Hijrah Selangor memanfaatkan ilmu yang dipelajari untuk mengembangkan perniagaan mereka," katanya lagi pada 12 September.

Beliau juga menjelaskan kelas pemasaran di TikTok akan diteruskan pada November dengan memberi tumpuan kepada topik penjenamaan produk usahawan.

226 taska tidak daftar bawah JKM

SHAH ALAM - Sebanyak 226 taman asuhan kanak-kanak (taska) di Selangor dikesan belum mendaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Justeru, Penolong Pengarah JKM negeri Roziah Osman memberitahu pihaknya memperingatkan usaha bagi memastikan semua pengusaha taska sedemikian segera membuat pendaftaran.

"Yang tidak berdaftar ini, kita mulakan program advokasi yang kita panggil sebagai pemutihan kepada taska yang tidak berdaftar. Jadi, kita lihat jumlah pun semakin berkurang.

"Kita harap menjelang 2025, Selangor mencapai sifar taska yang tidak berdaftar," katanya dalam program bual bicara Hai Selangor pada 9 September.

Beliau turut menasihati pemilik taska supaya mematuhi syarat operasi termasuk memasang kamera litar tertutup untuk aspek keselamatan.

Tawar dana niaga hingga RM50,000

SHAH ALAM - Mana-mana usahawan di negeri ini yang memerlukan modal untuk mengembangkan lagi perniagaan dipelawa memohon skim pembiayaan i-Bisnes.

Menurut Yayasan Hijrah Selangor (Hijrah Selangor), pihaknya menawarkan pembiayaan sehingga RM50,000 untuk pembelian aset dan pengubahsuaian premis perniagaan.

Peniaga disaran melayari pautan hijrahselangor.com untuk memperoleh maklumat lanjut atau membuat imbasan kod QR poster untuk membuat permohonan.

Pada 11 September, Ketua Pegawai Eksekutifnya Hijrah Selangor Dato' Mearia Hamzah berkata pihaknya meluluskan 90,475 pembiayaan sejak 2015 hingga Ogos lalu.

Saring kesihatan mental pengasuh

SHAH ALAM - Syarat pendaftaran taman asuhan kanak-kanak (taska) akan diserasakan bagi memudahkan kelulusan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), kata EXCO kebajikan masyarakat.

Anfaal Saari menjelaskan tindakan tersebut akan dilakukan jawatankuasa khas yang ditubuh pada Ogos demi memastikan kelancaran pendaftaran terutama berkaitan beberapa isu teknikal.

"Kuasa pemutihan dan penguatkuasaan akta ada pada JKM, bukan bawah Kerajaan Negeri. Namun, Selangor cuba

memudahkan pendaftaran taska dan pusat jagaan kanak-kanak ini.

"Kita akan kaji, seragam dan selaraskan syarat pendaftaran khasnya daripada agensi teknikal menerusi jawatankuasa khas. Bukan untuk mendaftarkan taska," katanya pada 12 September.

Beliau juga menjelaskan proses pendaftaran taska mengambil masa kira-kira enam bulan jika pengusaha menepati syarat dan melengkapkan dokumen yang ditetapkan JKM.

Dalam perkembangan sama, Anfaal berkata pihaknya akan berbincang dengan JKM untuk membuat saringan men-

tal dan semakan latar belakang pengasuh di taska demi keselamatan kanak-kanak.

"Selain memastikan pemasangan kamera litar tertutup di taska, pihak JKM juga akan buat pemantauan setiap enam bulan bagi operasi taska berdaftar untuk pencegahan," katanya.

Selain itu, Kerajaan Negeri turut bekerjasama dengan JKM bagi melindungi kanak-kanak daripada menjadi mangsa eksploitasi dengan menjual makanan.

Anfaal berkata JKM akan mengambil tindakan perlindungan di bawah Akta Kanak-kanak 2001 yang memperuntuk remaja di bawah umur 16 tahun tidak dibenarkan bekerja.



Ribuan peserta terima manfaat

Segera mohon inisiatif SMUE, SMIS

Oleh **SHEEDA FATHIL**

SHAH ALAM - Orang ramai boleh mendaftar Skim Mesra Usia Emas (SMUE) dan Skim Mesra Insan Istimewa (SMIS) dengan mengunjungi pusat khidmat masyarakat Dewan Undangan Negeri (DUN) berhampiran.

Ahli Dewan Negeri Batu Tiga Danial Al-Rashid Haron memberitahu seramai 5,332 peserta SMUE dan 387 peserta SMIS di kawasanya menerima manfaat kebajikan yang disediakan Kerajaan Negeri.

"Permohonan masih dibuka, setakat ini kita tidak letak had bilangan penerima. Jika individu itu menepati kriteria, mereka boleh mohon di pusat khidmat

masyarakat," katanya pada 12 September.

Wakil rakyat Bukit Lanjan Pua Pei Ling pula berharap seramai 8,982 penerima SMUE dan 426 SMIS di kawasanya gembira dengan inisiatif berkenaan.

"Meski nilainya tidak besar, semoga ia dapat meringankan beban dan menceriakan penerima dalam menyambut ulang tahun kelahiran," katanya lagi.

Seramai 7,298 warga emas dan 447 individu istimewa pula mendaftar di DUN Kota Kemuning, kata wakil rakyatnya S Preakas.

Beliau juga berharap jumlah bantuan ini dapat diting-



kat daripada RM150 kepada RM200 bagi meringankan beban kewangan penerima khususnya dalam saat-saat sukar.

Inisiatif SMUE dan SMIS menawarkan baucar beli-belah RM150 dan RM500 tuntutan khairat dalam tempoh enam bulan dari tarikh kematian ahli berdaftar.

Kerajaan Negeri memperuntuk RM16.48 juta bagi program Jom Shopping sempena hari lahir penerima tahun ini yang merupakan sebahagian daripada inisiatif SMUE.

Tahun lalu, seramai 263,141 mendapat manfaat SMUE manakala 6,331 keluarga menerima khairat kematian.



Hijrah lulus 90,475 pembiayaan

SHAH ALAM - Sebanyak 90,475 pembiayaan niaga diluluskan Yayasan Hijrah Selangor (Hijrah Selangor) sejak ditubuhkan pada 2015 hingga Ogos tahun ini.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutifnya Dato' Mearia Hamzah, seramai 60,249 usahawan memanfaatkan peluang berkenaan menerusi pelbagai skim pembiayaan yang ditawarkan.

"Hijrah Selangor sentiasa memberi perkhidmatan terbaik untuk mem-

bantu usahawan mengembangkan perniagaan dengan pelbagai tawaran skim pembiayaan.

"Setakat ini, 83,757 pembiayaan paling tinggi diluluskan Hijrah Selangor adalah Skim i-Bisnes yang paling mendapat tempat dalam kalangan usahawan," katanya pada 11 September.

Skim pembiayaan bagi memperluas perniagaan yang ditawarkan Hijrah Selangor antaranya i-Bisnes, Zero to Hero, Go Digital dan

Pembiayaan Niaga Darul Ehsan (NADI).

Mearia juga menjelaskan 95.47 peratus peminjam juga memberi kerjasama baik dengan membayar semula pembiayaan mengikut jadual.

Sejak penubuhan, agensi itu menyediakan bantuan modal kepada mereka yang mahu berniaga secara kecil-kecilan atau mengembangkan perniagaan.

Hijrah Selangor turut menyediakan Skim i-Lestari, Skim i-Agro dan Skim i-Bermusim bagi membantu dari segi modal serta mengembangkan perniagaan usahawan.





Oleh NADIAH ZAMLUS

Orang ramai tidak lagi perlu bersusah-payah menunggu lori jualan murah di tempat tinggal masing-masing dan beratur panjang membeli barangan dapur pada harga berpatutan.

Sebaliknya, barangan asas pada harga 10 hingga 15 peratus lebih rendah daripada pasaran boleh didapati di pasar raya Ehsan Mart kendalian Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS).

Ehsan Mart diwujudkan sebagai penambahbaikan program Jelajah Ehsan Rahmah (JER), menyasarkan pembukaannya di 56 kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) menjelang 2027.

Sejak dilancarkan pada 2022, JER mendapat sambutan menggalakkan daripada rakyat negeri ini. Lebih 4,000 lokasi dilawati JER dengan jumlah perbelanjaan subsidi sebanyak RM58.7 juta oleh Kerajaan Selangor.

Dek sambutan memberangsangkan itu, PKPS memutuskan untuk membuka pasar raya Ehsan Mart pertama di Sungai Tua pada 9 September.

"Pembukaan pasar raya Ehsan Mart ini diharapkan dapat memperkasakan lagi program JER dengan menyediakan platform jualan statik yang mudah diakses oleh masyarakat setempat," kata Ketua Pegawai Eksekutif PKPS Datuk Wira Dr Mohamad Khairil Mohamad Razi.

Dua lagi pasar raya berkenaan bakal dibina tahun ini di Pandan Indah dan Hulu Kelang, meluaskan lagi capaian rakyat untuk mendapatkan barangan asas pada harga berpatutan.

"Pelanggan memang tidak putus-putus datang ke kedai. Mereka suka beli ayam di sini, murah. Kita jual ayam segar tapi kena bekukan supaya kesegarannya terjaga."

"Selain itu ada yang datang dapatkan produk-produk keluaran PKPS iaitu jenama Ehsan. Mereka kata murah dan barangnya pun elok," kata pekerja Ehsan Mart cawangan Sungai Tua, Farah Mohd Taha.

Minyak dan beras jenama itu antara produk pilihan utama pelanggan sejak tiga tahun lalu. Ketua pegawai eksekutif PKPS berkata sebanyak 288,000 botol minyak masak seberat lima kilogram (kg) dan lebih sejuta kampak beras terjual dalam tempoh itu.

Menggalakkan lebih banyak produk ditawarkan pada harga berpatutan, PKPS mensasarkan

Ehsan Mart jual barang murah



kira-kira 50 produk jenama Ehsan dikeluarkan menjelang hujung tahun ini.

Setakat Mei, terdapat 30 unit penyimpanan stok termasuk barangan asas seperti tepung gandum, kordial, bihun, sos tomato, sos tiram, kaya pandan, kaya madu, sardin dan cili giling.

Agensi negeri ini turut mempelawa usahawan dan peniaga sekitar Selangor menjadi pengedar produk jenama Ehsan. Permohonan dibuka kepada peniaga persendirian dan koperasi berdaftar di Selangor.

Bukan sekadar tawarkan harga lebih murah, pembukaan pasar raya itu salah satu usaha Kerajaan Negeri untuk sentiasa proaktif dalam menangani isu kenaikan harga barang dan keselamatan makanan.

"Ehsan Mart diharap dapat menjadi pendekatan strategik untuk mendekati rakyat serta membantu meringankan beban kos sara hidup," kata Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari pada 9 September.

"Lega sebab tidak perlu lagi tunggu trak JER lepas ini dan tidak perlu lagi berebut untuk dapatkan nombor atau beratur panjang sejak awal pagi. Hanya datang ke kedai dan beli barang keperluan. Terima kasih Kerajaan Negeri kerana sediakan kemudahan ini terutamanya kepada golongan warga emas seperti saya."

Che Siah Saad, 62, Suri rumah



"Saya dan suami gembira apabila tahu ada pasar raya Ehsan Mart tetapi saya harap ada lebih banyak pilihan barangan. Bantu keluarga kurang berkemampuan seperti saya berjimat. Sekarang kos hidup pun makin tinggi, harapnya bila ada pasar raya begini, dapat kurangkan kos."

A Lecthumy, 61, Pesara



"Kali pertama saya datang ke Ehsan Mart dan tengok ada barang dengan harga ok. Macam ayam, beras. Baguslah buat begini. Tidak perlu lagi kami tunggu lori atau bersusah payah tunggu acara-acara tertentu. Kalau macam ini, hari-hari pun senang hendak beli barang dapur. Hendak pergi jauh-jauh pun kos minyak motosikal atau kereta."

Nurdiyana Mursalim, 42, Kakitangan swasta



Oleh NAZLI IBRAHIM

Penukaran tulisan jawi kepada rumi merosakkan ejaan bahasa Melayu, dedah pensyarah bahasa Universiti Putra Malaysia Profesor Madya Dr Adi Yasran Abdul Aziz.

Ejaan dalam tulisan rumi menjadikan banyak sebutan bahasa Melayu bertukar makna berbanding tulisan jawi yang dapat mengekalkan makna asal bahasa Melayu.

Sebutan perkataan seperti Aidilfitri, Aidiladha, bidaah dan fardu antara perkataan bahasa Melayu berubah makna apabila dirumikan daripada tulisan jawi.

“Bila kita sebut identiti, ada yang boleh dirumikan dan ada yang tak boleh dirumikan. Contohnya, Aidilfitri, Aidiladha. Sebenarnya ‘A’ itu mewakili ‘ain’. Sepatutnya dibaca Eidulfitri tetapi bila ‘ain’ digantikan dengan ‘A’ orang akan baca Aidilfitri atau Aidiladha, dah berbeza dengan sebutan asal.

“Begitu juga bidaah. Kalau b-i-d-a-h dah jadi ‘bidah’. Di sinilah timbul isu. Sama juga seperti nama orang. Ejaannya boleh memberi sebutan berbeza,” katanya ketika ditemui pada 13 Ogos.

Kebelakangan ini, kerosakan sistem ejaan bahasa Melayu menjadi tumpuan dan diperdebatkan banyak pihak, khususnya dalam kalangan pengguna media sosial.

Kebanyakan ejaan perkataan bahasa Melayu yang meminjam perkataan bahasa Arab didakwa tidak menepati sebutan dan makna sebenar.

Penggunaan tulisan jawi bermula ketika era bahasa Melayu klasik pada abad ke-14, seiring penyebaran agama Islam di nusantara.

Tulisan jawi mengambil abjad Arab yang disesuaikan dengan sebutan bahasa Melayu. Bukti terawal bahasa Melayu ditulis dalam jawi ialah Batu Bersurat Terengganu pada 1303.

Sebelum itu, bahasa Melayu memakai tulisan pallava berdasarkan bukti Batu Bersurat Kedukan Bukit di Palembang, Sumatera yang bertarikh 683.

Selepas pallava, tulisan kawi pula digunakan. Buktinya pada batu nisan Sheikh Ahmad Majnun di Pengkalan Kempas, Negeri Sembilan yang tahunnya dianggarkan antara 1460 hingga 1467.

“Batu nisan itu ada dua tulisan, kawi dan jawi kerana masa itu tempoh peralihan ke jawi,” katanya.

Sejak itu, tulisan jawi digunakan secara meluas sehinggalah Inggeris mencampuri pentadbiran negeri-negeri di Tanah Melayu pada abad ke-19 dan memperkenalkan tulisan rumi.

Timbalan Dekan Akademi dan Pelajar Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi itu menegaskan, meski memperkenalkan tulisan rumi, pentadbir British tidak pernah mengganggu penggunaan tulisan jawi semasa era kolonial.

Malah, beberapa orientalis British

Huruf rumi tukar sebutan Melayu



Foto Facebook Akademi Jawi Malaysia



“Kalau b-i-d-a-h dah jadi ‘bidah’. Di sinilah timbul isu. Sama juga seperti nama orang. Ejaannya boleh memberi sebutan berbeza

PROF MADYA DR ADI YASRAN ABDUL AZIZ
Timbalan Dekan Akademi dan Pelajar Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi Universiti Putra Malaysia

seperti Richard James Wilkinson dan Richard Olaf Winstedt mampu menulis jawi ketika membuat kajian mengenai orang Melayu.

“Sebenarnya British tidak kacau pun tulisan jawi ini sebab itu kita dapati semasa merdeka pun proklamasi merdeka pun ditulis dalam jawi,” kata Dr Adi Yasran.

Jawi merosot

Sebaliknya, dasar pendidikan yang dilaksana oleh pemimpin Melayu sendiri menyebabkan penggunaan jawi merosot sehingga menyumbang kepada kerosakan bahasa kebangsaan.

Kongres Persuratan Melayu Ketiga pada 1956 memutuskan rumi sebagai tulisan rasmi kebangsaan walau ketua panitia kongres ketika itu, Tan Sri Zainal Abidin Ahmad atau Pendeta Za’ba sangat menyokong tulisan jawi.

Pada 1966, Menteri Pendidikan Tan Sri Mohamed Khir Johari dengan persetujuan jemaah menteri memansuhkan tulisan jawi dalam sistem pendidikan negara.

Keputusan kerajaan diperkukuhkan lagi dengan pindaan Akta Bahasa Kebangsaan 1967 yang memperakukan tulisan rumi sebagai tulisan untuk bahasa Melayu.

Akibatnya kemerosotan penggunaan tulisan jawi mula dirasai dalam kehidupan masyarakat dan urusan rasmi bermula dekad 1970-an.

Kesan itu termasuk kitab-kitab lama dan bahan bacaan bertulisan jawi

seperti akhbar Utusan Melayu semakin tidak mendapat sambutan pembaca Melayu.

“Sebenarnya dalam Akta Bahasa Kebangsaan 1967 itu dimahsyurkan tulisan rumi sebagai tulisan kebangsaan berserta syarat tidak boleh larang menggunakan tulisan Melayu yang lebih dikenali sebagai tulisan jawi.

“Walau rumi tulisan utama tetapi jawi masih boleh digunakan. Beberapa perubahan misalnya buku teks agama Islam ditukar jawi ke rumi.

“Jadi apabila ditukar jawi ke rumi, maka jawi tiada lagi kepentingan untuk dipelajari sebab bahasa Melayu pun dah guna rumi dan buku teks agama Islam pun guna rumi. Jadi, seolah-olah dah tiada lagi kepentingan pelajari tulisan rumi,” katanya.

Dr Adi Yasran menggesa semua pihak memainkan peranan menghidupkan tulisan jawi bagi memelihara warisan bahasa Melayu.

Usaha seperti Jabatan Mufti Selangor menerbitkan kitab Matla’ al Badrain karya Syeikh Muhammad bin Ismail Daud Al-Fathani dalam tulisan jawi moden perlu lebih banyak dibuat.

Tindakan Perpustakaan Negara Malaysia menganjurkan Klinik Jawi dan menerbitkan buku Kaedah Pembelajaran Jawi juga wajar dicontohi.

“Mereka yang mahir menulis jawi perlu mengamalkan dan menyebarkannya penggunaan di media sosial. Kalau kita tak mampu buat semua, jangan tinggal semua,” kata Dr Adi Yasran.

Bukan muslim saudara senegara



MARWAN BUKHARI A HAMID
ialah penulis dan penterjemah.
Lulusan Universiti Yarmouk,
Jordan dan Universiti
Sains Islam Malaysia

Antara persoalan yang kerap timbul akibat pertembungan politik di Malaysia ialah menyebut lawan parti politik sebagai kafir harbi.

Tuduhan itu tentulah dikenakan kepada kelompok bukan Islam dan bukan Melayu, ataupun parti yang didominasi bukan Islam dan bukan Melayu.

Persoalannya, bolehkah disebut sedemikian terhadap kelompok atau parti tertentu dalam kalangan bukan Melayu-Islam di Malaysia?

Terlebih dahulu, kita perlu menentukan maksud kafir harbi terlebih dahulu. Secara ringkasnya, perkataan kafir harbi merujuk kepada bukan muslim yang tiada perjanjian dengan pemerintahan Islam.

Kalau ada perjanjian, maka dia dikira kafir zimmi ataupun hari ini disebut sebagai warganegara yang memiliki hak dan tanggungjawab sebagaimana dijelaskan dalam perlembagaan negaranya.

Selain merujuk kepada bukan kafir zimmi atau warganegara, kafir harbi juga bermaksud bukan muslim yang tidak mendapat jaminan keselamatan daripada pemerintah negara Islam.

Gambaran hari ini mungkin terpakai kepada pemegang kad pengenalan atau dokumen tertentu yang membuktikan dirinya sebagai warganegara.

Sementara itu, kalau seseorang bukan muslim mendapat jaminan keselamatan untuk tempoh tertentu, dia disebut sebagai kafir musta'man. Jaminan itu mungkin hari ini boleh digambarkan seperti visa.

Kesimpulannya, kafir harbi bukanlah kategori kafir zimmi dan bukan juga kafir musta'man. Kafir harbi juga tinggal di darul harbi iaitu negara yang memerangi negara-negara Islam yang lain. Disebabkan itu penduduknya disebut sebagai kafir harbi atau boleh diperangi.

Pembahagian itu dilakukan dalam konteks dunia sebelum wujudnya perjanjian antarabangsa dalam skala yang besar seperti yang berlaku pada abad ke-20 hingga sekarang.

Disebabkan itu, kalau kita bahas dalam konteks dunia berasaskan perjanjian antarabangsa melalui Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) zaman ini, maka semua negara bukan Islam tidak dikira sebagai darul harbi.



**Dalam konteks
Malaysia, bukan
muslim yang menjadi
warganegara di negara
ini telah termaktub
hak-hak mereka dalam
perlembagaan**

Sebaliknya, semua negara bukan Islam itu disebut sebagai darul 'ahd. Begitulah yang ditegaskan oleh Imam Abu Zahrah, ahli fiqh terkemuka abad ke-20 dalam bukunya tentang Hubungan Antarabangsa.

Beliau menyebut bahawa setiap negara umat Islam hendaklah mematuhi perjanjian dan komitmen sebagaimana ternyata dalam undang-undang antarabangsa.

Darul harbi

Muridnya iaitu Sheikh Dr Yusuf al-Qaradawi turut berpandangan sedemikian dalam Fiqh al-Jihad. Pengecualian hanya diberikan kepada Israel.

Al-Qaradawi menegaskan bahawa negara haram ini adalah satu-satunya darul harbi pada hari ini.

Kalau begitu, maka bukan muslim yang tinggal di negara-negara bukan Islam yang lain (selain Israel) tidak dikira sebagai kafir harbi.

Justeru, dalam konteks Malaysia, bukan muslim yang menjadi warganegara di negara ini dan telah termaktub hak-hak mereka dalam perlembagaan lagilah tidak wajar dikira sebagai

kafir harbi.

Penggunaan istilah warganegara kepada bukan muslim bukan sahaja sesuai di negara-negara Islam pada zaman ini termasuk di Malaysia, malah bertepatan dengan penggunaan istilah dalam perlembagaan persekutuan yang merujuk semua sebagai warganegara tanpa mengira agama.

Warganegara bukan Melayu-Islam itu bukan kafir harbi kerana gelaran ini adalah kepada pihak yang memerangi orang Islam dari negara bukan Islam.

Kita sudah sebut bahawa yang relevan disebut sedemikian menurut wacana fiqh kontemporari hanyalah negara haram Israel.

Oleh yang demikian, kalau ada pun bukan muslim yang bermasalah di Malaysia, mereka masih tidak dikira sebagai kafir harbi, tapi ungkapan yang sesuai ialah warganegara yang melakukan kesalahan.

Kalau ada yang menunjukkan permusuhan pun, mereka tetap dikira sebagai warganegara. Kalau ada kesalahan dalam memberi pandangan, kita boleh dibalas dengan hujah balas.

Adapun kalau kesalahan melibatkan undang-undang, maka individu atau kelompok terbabit boleh dikenakan tindakan undang-undang.

Adapun kalau sekadar kerana berbeza parti politik, maka usah diguna istilah kafir harbi. Ada implikasi besar dari sudut fiqh hubungan antara muslim dan bukan muslim dalam sesebuah negara.

Malah pihak pelampau juga boleh mengambil kesempatan daripada isu ini untuk menggunakan kekerasan atas nama Islam terhadap kelompok tertentu dalam kalangan warganegara bukan muslim di Malaysia.

Tambahan pula, para ulama dan pemikir bidang politik Islam dan perundangan zaman ini seperti al-Qaradawi, Muhammad Imarah, al-Ghannouchi dan sebagainya sudah membicarakan keperluan untuk tidak menggunakan istilah kafir zimmi.

Walhal istilah ini mengandungi maksud positif yang menunjukkan hak dan tanggungjawab yang sama rata antara warga bukan muslim dan muslim di dalam sebuah negara yang sama, kecuali hal-hal eksklusif yang bersangkutan dengan hal ehwal agama.

Kalau istilah kafir zimmi sendiri sudah tidak digunakan meski bermaksud baik, maka apatah lagi istilah kafir harbi yang tidak tepat dengan fiqh kenegaraan Islam pada zaman ini.

Justeru, semua mereka adalah warganegara atau istilah lain yang indah digunakan oleh pemikir Islam negara ini, Allahyarham Datuk Dr Siddiq Fadzil ialah saudara setanah air.



Orang ramai berpeluang menaiki helikopter ambulans milik Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dikenali Perkhidmatan Ambulans Udara Kecemasan Perubatan (EMARS) pada 13 September



Tengku Amir Shah diiringi tetamu kehormat melawat ruang pameran dan mendengar penerangan berkaitan pembangunan pesawat komersial Airbus A330 pada 12 September



Diiringi Dato' Menteri Besar, Sze Han dan Hasan Azhari (kanan sekali) dan Setiausaha Kerajaan Negeri Dato' Setia Haris Kasim (kiri sekali), DYTМ Raja Muda Selangor merasmikan SAS pada 12 September



EXCO Sumber Manusia V Papparaidu (tengah), Hasan Azhari dan Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia Datuk Azman Mohd Yusof (tiga, kiri) di reruai Tentera Laut Diraja Malaysia pada 13 September



DYTМ Raja Muda Selangor mencemar duli menaiki pesawat model 9M-GTR selepas majlis perasmian di Pusat Penerbangan Serantau, Skypark pada 12 September



Pelawat antarabangsa melihat pelbagai model pesawat dan kapal terbang di Shah Alam pada 12 September. Lebih 40 jenis pesawat dipamerkan dalam pameran itu

Lebar sayap segenap rantau

LEBIH 25,000 pengunjung dari dalam dan luar negara ke Pameran Udara Selangor (SAS) di Pusat Penerbangan Serantau (RAC) Skypark, Shah Alam berbanding 19,217 orang pada tahun lepas. Acara berlangsung tiga hari bermula 12 September dirasmikan Duli Yang Teramat Mulia (DYTM) Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah.

Turut hadir, Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari, EXCO Pelaburan Ng Sze Han dan Ketua Pegawai Eksekutif Invest Selangor Dato' Hasan Azhari Idris. Edisi keempat pameran udara negeri itu menampilkan 128 gerai, mewakili 88 syarikat dari tujuh negara iaitu Singapura, China, United Kingdom, Perancis, India, Australia, dan Kemboja. Sebanyak RMI.3 bilion nilai transaksi direkodkan sekali

gus mengatasi jumlah urus niaga tahun lalu sebanyak RM823 juta. Lebih 30 memorandum persefahaman (MoU) dimeterai berbanding 27 MoU tahun lalu, mengukuhkan Selangor sebagai hab aeroangkasa dan penerbangan rantau ini. Jurufoto NUR ADIBAH AHMAD IZAM, REMY ARIFIN dan MOHD KHAIRUL HELMY MOHD DIN merakam sebahagian aktiviti menarik sepanjang program yang berakhir pada 14 September.

Keterangan oleh HAFIZAN TAIB.



Orang ramai yang hadir memenuhi ruang pameran SAS yang memperagakan pelbagai model pesawat dan kapal terbang di Pusat Penerbangan Serantau (RAC) Skypark pada 14 September



Pelawat diberi penerangan mengenai dron digunakan dalam kerja pemantauan keselamatan Angkatan Tentera Malaysia ketika Pameran Udara Selangor pada 14 September



Pengunjung melihat persembahan udara helikopter EC725 milik Tentera Udara Diraja Malaysia sempena Pameran Udara Selangor di Pusat Penerbangan Serantau, Skypark pada 14 September



Pegawai bomba Ahmad Zaidi Abdul Halim memberi penerangan mengenai dron PGI Matrice 600 Pro untuk pemantauan udara bagi operasi mencari dan menyelamat pada 13 September



Pengunjung menunggu giliran untuk meninjau pesawat RP-C7701 Camaya Air yang dipamer pada 13 September. Pesawat jenis Embraer Phenom 100 itu dihasilkan syarikat Embraer dari Brazil



Wan Nur Ayesha Wan Ezwan seronok mencuba permainan simulasi penerbangan pesawat di reruai Malaysia Aviation Group (MAG) pada 13 September



Kanak-kanak dan ibu bapa teruja melihat keupayaan teknologi yang ditunjukkan robot Bengbeng keluaran Securight Sdn Bhd ketika Pameran Udara Selangor pada 13 September



Dua kanak-kanak tertarik untuk mencuba pakaian dan peralatan juruterbang Tentera Udara Diraja Malaysia sambil dibantu oleh dua anggota pasukan itu pada 14 September



Reruai Penerbangan Malaysia menjadi tumpuan pengunjung yang mahu mendapatkan maklumat mengenai peluang pekerjaan di syarikat berkenaan pada 13 September



Oleh NAZLI IBRAHIM
Foto AHMAD ZAKKI JILAN

Nooraihan Che Li, seorang wanita kurang upaya memenangi Anugerah Ikon Program Insentif Digital Media Usahawan Wanita Muda (USAHAWANITA) atas kejayaan perniagaannya.

Syarikat menjual barang keperluan rumah ditubuhkan pemegang Diploma Komunikasi Massa Universiti Teknologi Mara pada 2018 itu, meraih jualan tahunan melebihi RM1 juta.

Anugerah disampaikan kepada ibu dua anak itu oleh EXCO Pembangunan Wanita dan Keluarga Anfaal Saari dalam satu majlis di Hotel Mardhiyyah, Shah Alam pada 19 Julai.

Kejayaan perniagaan wanita berumur 44 tahun itu bermula daripada penyakit dideritainya sejak sembilan tahun lalu yang mengubah hidupnya.

Pada 2015, wanita asal Raub, Pahang itu menghidap penyakit saraf yang menukar dirinya daripada seorang yang ceria kepada insan lumpuh dan terbaring di katil.

Hanya mampu menggerakkan tangan kiri dan kaki kanan, beliau turut disahkan menghidap barah tulang. Hospital menjadi rumah keduanya dek terlalu kerap berulang-alik mendapatkan rawatan.

Nooraihan pernah dua kali ditahan di wad untuk tempoh lebih tiga bulan sehingga duit simpanannya RM30,000 habis kerana menampung kos rawatan dan keperluan lain.

Kerap cuti sakit panjang hingga ada melebihi dua tahun membuatkan bekas penjawat awam ini meletakkan jawatan.

Akibatnya, beliau dan suami mengalami

masalah kewangan lantaran menanggung kos perubatan tinggi selain keperluan hidup.

Situasi itu mendorong Nooraihan berniaga kecil-kecilan dari katil hospital dengan menjual kek lapis Sarawak untuk membantu suami yang juga seorang penjawat awam.

"Saya jumpa kek lapis Sarawak di Facebook dan minta jadi ejen. Masa saya di atas katil hospital saya memuat naik jualan saya.

"Alhamdulillah dengan bantuan seorang rakan yang mempunyai ramai pengikut di Facebook kek lapis saya tular dan dapat sambutan. Dapatlah menampung perbelanjaan kami," katanya ketika ditemui di BNG Homeware Hub di Bandar Rinching, Semenyih pada 1 Ogos.

Bisu setahun

Walau kek lapis Sarawak yang dijual mendapat sambutan namun terpaksa dihentikan apabila Nooraihan perlu menjalani pembedahan tulang pada 2017.

Beberapa bulan selepas pembedahan, beliau menjadi bisu selama setahun berikutan peti suara rosak kesan daripada penyakit sarafnya.

Penyakit sama juga menyebabkan matanya terlalu sensitif dengan cahaya menjadikan beliau buta sementara selama enam bulan.

"Bisu setahun jugalah. Selepas setahun dapat suara semula, 'hilang' pula mata, 'buta' sementara. Saya terpaksa berhenti sekejap jual kek lapis.

"Lepas itu saya mula semula tetapi perlahan dan kemudian barulah saya fokus kepada barang keperluan rumah," katanya.

Bergantung kepada kerusi roda untuk bergerak, Nooraihan beralih pula kepada perniagaan

barang keperluan rumah pada 2018.

Bermodal RM300, wanita tabah ini menubuhkan syarikat menjual pinggan mangkuk, periuk, bekas minuman dan lain-lain perkakas rumah jenama dari Itali melalui dalam talian seperti Shopee, Lazada dan TikTok.

Bermula di kuarters tempat tinggal mereka, produknya cepat mendapat sambutan. Pada 2019, Nooraihan menyewa rumah kedai untuk dijadikan stor dan tempat operasi perniagaan.

Menjelang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat pandemik Covid-19 pada Mac 2020, jaluannya melonjak kepada kira-kira RM100,000 sebulan.

Produknya juga bertambah seperti ketuhar, pemanggang, pengisar makanan, mesin kopi dan lain-lain.

Berikutan permintaan semakin tinggi, beliau menyewa gudang di Semenyih untuk dijadikan tempat penyimpanan stok dan tempat operasi perniagaan.

Selepas PKP, sekali lagi beliau memindahkan stor dan operasi perniagaan di sebuah rumah kedai tiga tingkat yang lebih selesa.

Dibantu 10 pekerja, perniagaannya kini mempunyai 30 orang ejen aktif di samping ratusan pemilik akaun media sosial yang membuat jualan bagi mendapatkan pendapatan tambahan.

Selain usaha gigih dan dorongan suami, Nooraihan menyifatkan ilmu diperolehi dalam Program Modul Bersepadu Bina Bangun Usahawan (BIZUP) Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor disertainya pada 2023 turut menyumbang pencapaiannya hari ini.

"Walaupun saya orang kurang upaya tetapi saya reda, sentiasa belajar hingga berjaya buktikan ia bukan penghalang untuk saya berjaya," katanya.

Berlakon atas sampah

Oleh INTAN SYUHADA AKHIR

Sanggup bergolek dan bergelumang dengan longgokan dipenuhi sisa makanan, najis dan bahan buangan yang menjijikkan semata-mata melakonkan babak pertarungan.

Malah, pelakon seni bela diri Fad Anuar, 35, rela berkampung selama hampir sebulan di pusat pelupusan sampah terbesar di pulau Langkawi, Kedah demi menjayakan filem aksi Pungut.

Dek filem itu juga, beliau berdepan risiko terkena penyakit berjangkit dan kesan sampingan kesihatan lain akibat diam lama di tempat pembuangan sisa pepejal.

Menurut Fad yang juga anak saudara kepada pelakon popular Eman Manan, dia mengakui bukan mudah menahan bau busuk daripada tapak yang dipenuhi longgokan sampah setiap hari.

Beliau dan rakan pelakon lain serta kru penggambaran juga perlu berjaga-jaga dengan risiko terhidu gas beracun yang berbahaya dan boleh menyebabkan penyakit.

“Lebih teruk kalau selepas hujan, waktu itu semua bau akan naik dan lebih busuk. Saya masih ingat hari pertama di sana, saya tidak boleh tahan bau sampah.

“Bayangkan, 500 meter sebelum sampai pun kita sudah boleh bau busuknya tempat itu. Sakit kepala menahannya.

“Saya perlukan tiga hingga empat hari untuk tubuh saya benar-benar beradaptasi dengan bau itu. Selepas itu, entah kenapa saya rasa biasa, sudah tidak bau busuk,” katanya kepada Selangorkini pada 22 Ogos.

Pernah bekerja dengan pengarah Areel Abu Bakar menerusi filem Geran dan Walid, Fad bersedia melakonkan adegan aksi atas longgokan sampah yang diperlukan mengikut skrip.

Namun, jelas Fad, bertarung di tempat pelupusan sampah memerlukan langkah keselamatan yang lebih teliti.

“Oleh itu kami ada SOP (tatacara operasi



piawai) di mana pihak produksi akan semak sama ada kami ada luka atau sebaliknya setiap hari.

“Syukurlah setiap babak perlawanan dilakukan dengan baik tanpa ada kecederaan. Cuma ada beberapa lokasi kami dilarang masuk,” tambahnya.

Selain itu, Fad yang juga anak jati Terengganu mengakui sangat mencabar membawakan watak Omar yang memintanya bertutur dalam loghat Kedah.

Justeru, dia mengambil inisiatif membuat kajian dan duduk belajar dengan mereka yang tinggal di negeri jelapang padi itu.

“Walaupun sebelum ini saya ada melakonkan filem Geran dalam loghat Kedah, tapi menerusi Pungut, cara bertuturnya lebih pekat.

“Ada beberapa perkataan hanya dituturkan oleh orang-orang lama di Kedah. Jadi saya perlu perincikan perkataan tersebut,” tambahnya.

Aksi silat

Diterbitkan syarikat produksi Studio Screen, filem Pungut membawa penonton menyusuri

kepayahan hidup pemungut sampah yang mencari rezeki di tempat yang dianggap geli dan menjijikkan.

Naskhah itu ditayangkan di pawagam seluruh negara selama dua minggu sejak 29 Ogos bersempena sambutan Hari Kebangsaan ke-67.

Sarat dengan aksi persilatan, Pungut mengisahkan tentang perebutan kuasa dan tanah oleh Salleh lakonan Ruzaidi Abdul Rahman dan Din Cengko yang dilakonkan Aman Graseka.

Sementara itu, Fad mendedahkan pelakon filem Bad Boys: Ride Or Die iaitu Dennis Greene Mcdonald mahu mempelajari seni mempertahankan diri daripadanya.

Beliau berkata, Dennis menghantar mesej langsung kepadanya melalui Instagram pada awal Ogos, memberitahu tertarik dengan aksi pertarungan lakonannya sehingga berminat mahu memaparkan seni silat dalam projek filem terbaharunya.

“Saya terus cadang dia belajar bersilat sebab kalau dia berjaya buat, dia akan jadi pelakon berkulit gelap pertama di dunia yang melakukan seni mempertahankan diri tersebut.

“Dia bersetuju dengan cadangan saya cuma sekarang ini dia perlu berbincang dulu dengan pengurus dia dan agak sibuk dengan beberapa hal di sana,” kata Fad.





Bercinta cara Wong Kar Wai

Oleh AHMAD HUSAIN AHMAD
Ilustrasi FAHMI MUSTAFFA

Filem Chungking Express (1994) bukan sahaja tentang kisah cinta yang aneh, tetapi tentang kelucuan hidup yang aneh.

Ditanya tentang Chungking Express, pengarahnya Wong Kar Wai berkata, "filem ini adalah tentang Hong Kong. Filem ini adalah surat cinta saya kepada Hong Kong."

Wong Kar Wai (WKW) dilahirkan di Shanghai. Ayahnya seorang pelaut. Ketika usianya 5 tahun, Revolusi Kebudayaan di China mula menampakkan tanda-tanda akan pecah. WKW dan ibu bapanya berhijrah ke Hong Kong. Abang dan kakaknya tidak sempat ikut kerana sempadan telah ditutup. Selama 10 tahun, China dan Hong Kong menjadi jarak yang memisahkan mereka sekeluarga.

Chungking Express diambil sempena nama Chungking Mansion, sebuah bangunan besar menempatkan kelab-kelab malam, restoran dan ratusan hotel bajet yang menjadi tempat persinggahan pengembara beg galas dari serata dunia. Di Chungking Mansion ada kelab malam paling gah di Hong Kong bernama Bayside. Di kelab malam itulah ayah WKW bekerja.

Malam-malam yang meriah, siang yang bisung dan pengembara silih berganti di bangunan Chungking, menjadi gambaran paling diingati WKW sewaktu kecil. Pengembara daripada berbagai bangsa berpapasan, tinggal sebentar lalu kembali meneruskan perjalanan. Dari situ, WKW mula mengerti tentang hidup sebagai terminal waktu yang cepat berlalu.

Di daerah Tsu Sha Tsim, tempat WKW membesar, dia melihat banyak warna kehidupan

dan wajah gelap Hong Kong saling bertangkup. Di sekolah pula, dia harus bergelut mempelajari bahasa Kantonis dan Inggeris. Hong Kong baginya terlalu asing dan sunyi. Namun dalam filem-filemnya, Hong Kong tidak pernah sunyi. Hong Kong selalu ada getar, gila dan geloranya sendiri.

Chungking Express merangkai dua cerita selari. Kedua-duanya berkisar tentang kesepian, kehilangan dan kenangan. Dua orang polis muda, He Zhiwu (Takeshi Kaneshiro) dan watak polis yang hanya dikenali sebagai Polis 663 (Tony Leung) sama-sama ditinggalkan kekasih. Mereka sedang melalui waktu-waktu sukar yang pedih. Di jalan, mereka selalu berselisih tanpa saling kenal. Mereka juga selalu memesan makanan dari kedai yang sama.

Putus cinta

He Zhiwu baru sebulan ditinggalkan kekasihnya, May. Dia masih mengharapkan May kembali padanya. Ketika May memutuskan cinta mereka pada tarikh 1 April, He Zhiwu menganggapnya sebagai lelucon April Fool.

Namun akhirnya dia tahu, May memutuskan cinta mereka betul-betul.

"Kami berpisah pada hari April Fool. Aku buat keputusan mahu berlucu selama sebulan. Aku akan beli setiap hari satu nanas dalam tin yang akan tamat tarikh pada 1 Mei. May suka makan nanas dan 1 Mei adalah hari jadi aku. Jika May tidak ubah fikiran pada tarikh 1 Mei, aku akan makan 30 tin nanas yang tamat tarikh. Dengan itu, barulah cinta kami tamat tarikh."

Begitu He Zhiwu bercerita tentang nanas, tarikh luput dan May.

Setelah May tidak menghubunginya pada 1 Mei, He Zhiwu makan 30 nanas dalam tin. Di malam hari jadinya, He Zhiwu pergi ke sebuah bar. Dia cuba melupakan May dan mahu jatuh cinta pada perempuan pertama yang masuk ke bar. Seorang perempuan berambut palsu blonde dan berkaca hitam menarik perhatiannya. He Zhiwu mendekati perempuan misteri itu dan bertanya, "Awak suka nanas, tak?"

He Zhiwu mengikut perempuan berambut palsu blonde pulang ke bilik hotel sekadar untuk berbual. Perempuan yang sedang menjalankan satu urusan dadah itu, keletihan dan tertidur. He Zhiwu menonton TV, makan dan gosok gigi. Sebelum pergi, He Zhiwu membersihkan kasut teman baharunya yang kotor. "Perempuan cantik kena pakai kasut yang bersih," kata He Zhiwu. Esoknya, gadis berambut palsu blonde menembak token dadah yang datang mahu membunuhnya. Dia lalu menghilang.

Ditinggal kekasih

Polis 663 ditinggalkan kekasihnya, seorang pramugari. Seperti He Zhiwu, dia masih belum dapat melupakan kekasihnya. Masih menyimpan barang-barang kenangan mereka di rumah dan berharap satu hari nanti kekasihnya kembali.

Kunci rumah Polis 663 ditinggalkan kekasihnya pada Faye, gadis jovial yang suka mendengar lagu California Dreamin'. Faye bekerja di sebuah kedai kecil. Dia menyimpan hati pada Polis 663. Faye sering mencuri masuk ke rumah Polis 663. Dia mencuci, menyusun atur rumah Polis 663 dan menambah ikan emas dalam akuarium. Sehingga satu hari Polis 663 mengetahui orang yang menceroboh rumahnya selama ini adalah Faye. Faye menghilangkan diri. Beberapa lama kemudian, Faye pulang sebagai pramugari, berjumpa Polis 663 lalu pergi lagi.


Cinta pastilah ada banyak cerita bebal dan kelucuan-kelucuannya sendiri. Itu yang dilalui oleh He Zhiwu dan Polis 663 ketika melawan sunyi, kekosongan diri dan kenangan yang menyakiti.

Di akhir babak cerita He Zhiwu, dia menelefon kawan-kawan lama yang setengahnya sudah lupa siapa dia. He Zhiwu juga menelefon ke rumah May, sekadar mahu bertanya tentang May pada ibu bapa May. Oleh kerana hidup selalu berada di antara ada dan tiada, He Zhiwu hanya mahu membuktikan bahawa dirinya ada. Kesunyian telah membuatkan dia rasa seperti halimunan.

Chungking Express adalah cerita tentang orang-orang yang pernah datang dan pergi dalam hidup kita. Itu ingatan yang melekat dalam kenangan WKW ketika dia melihat kehidupan berjalan di luar bangunan Chungking. Dia melihat orang-orang datang dan pergi. Ada yang datang untuk waktu yang lama, ada yang sekadar menjenguk muka, ada yang hanya lalu-lalang, ada yang datang berulang-ulang, ada yang pulang dan tidak lagi pernah datang.

Sebagai orang yang terpaksa meninggalkan tanah kelahiran untuk mencari secercah masa depan, WKW selalu punya banyak cerita tentang kehilangan dan kesunyian. Chungking Express adalah refleksinya tentang Hong Kong, juga tentang keanehan dan kelucuan hidup yang berlangsung. Tanpa kelucuan, hidup adalah tragedi.

Cerpen, esei dan sajak boleh diikuti pada setiap minggu menerusi pautan selangorkini.my/category/rencana-bm/





CERIA... Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim bersalaman dengan pelajar-pelajar tahfiz pada Majlis Himpunan 24,000 Huffaz Malaysia di Masjid Wilayah Persekutuan pada 14 September. Foto Facebook Anwar Ibrahim

Elak import, monopoli benih

Henti amalan kartel sektor pertanian

SUBANG JAYA - Amalan kartel dalam sektor pertanian negara mesti dihentikan sebaliknya ekosistem yang teratur perlu dibina, tegas Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Beliau menegaskan semua keputusan harus berdasarkan fakta dan mengambil kira segala keperluan petani, nelayan dan pekebun kecil di negara ini, lapor Bernama.

Katanya, amalan mengimport benih secara monopoli perlu dihenti serta-merta manakala semua Kementerian bekerjasama memastikan seluruh ekosistem

lancar demi menjamin produktiviti.

"Sebab itu kita perlu satu menteri dan KSU (ketua setiausaha) yang tegas dan keras menyatakan bahawa amalan kartel lama import baja mesti dan wajib dihentikan," katanya.

Anwar berucap ketika merasmikan Pameran Pertanian Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) 2024 di Taman Ekspo Pertanian Malaysia di sini pada 14 September.

Beliau memberitahu ekosistem yang mampan dan tidak hanya bergantung kepada Lembaga Pemasaran Pertanian

Persekutuan (Fama) penting berikutan sektor makanan antara perkara tumpuan.

"Sebab itu saya kata ekosistem mesti berjalan, Kementerian pertanian ini Kementerian yang besar, yang punya tanggungjawab yang penting dan strategik bagi negara kita," katanya.

Terdahulu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Mohamad Sabu berkata sektor agromakanan menyumbang 10.9 peratus kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar bagi suku pertama tahun ini.

RM5 bilion tingkat penanaman padi

SERDANG- Beberapa projek mega dalam sektor pertanian dirancang termasuk projek raksasa tanaman padi fasa pertama membabitkan nilai keseluruhan RM5 bilion, kata perdana menteri.

Datuk Seri Anwar Ibrahim memberitahu projek berkenaan memberi tumpuan kepada usaha meningkatkan hasil tanaman dan menaikkan taraf hidup pesawah, lapor Bernama.

Beliau berkata kerajaan dan agensi berkaitan giat menggerakkan petani, pesawah dan nelayan untuk bersama-sama

menerima perubahan bagi melonjakkan hasil dengan lebih baik.

"Maka, tumpuan diberi Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan dengan fokus terhadap peningkatan pengeluaran padi beras negara," katanya.

Anwar merasmikan Pameran Pertanian Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) 2024 di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS) di sini pada 14 September.

Pada Mei, beliau berkata kerajaan akan meningkatkan dana bagi projek menaik

taraf sistem pengairan khusus bagi menjayakan projek penanaman padi lima musim dalam tempoh dua tahun.

Turut dalam perancangan, penambahan keluasan bagi pelaksanaan program tanaman tersebut melibatkan kawasan seluas 30,000 hektar secara berperingkat.

MAHA 2024 berlangsung 12 hari mulai 11 September dengan sasaran tiga juta pengunjung dan kira-kira RM6 bilion nilai perjanjian persefahaman serta RM40 juta nilai jualan langsung.

Rangka strategi stabilkan inflasi

SHAH ALAM - Kerajaan memberi tumpuan kepada beberapa strategi bagi menstabilkan inflasi sekali gus menangani cabaran kenaikan kos sara hidup rakyat dalam Belanjawan 2025.

Menurut Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Fadillah Yusof, usaha menstabilkan harga barang dan perkhidmatan terus dilakukan selaras demi memelihara kesejahteraan rakyat, lapor Bernama.

"Saya mengalu-alukan inisiatif baharu sama ada ia bersifat jangka pendek, sederhana atau panjang terutama jika ia mampu memberi kesan langsung bagi menstabilkan harga barangan.

"Ini sekali gus memberi manfaat kepada rakyat dalam membantu mereka mendepani cabaran kos sara hidup sama ada pada masa sekarang atau pada masa akan datang," katanya.

Tubuh Jawatankuasa Pengurusan

SHAH ALAM - Majlis Pimpinan Pusat (MPP) Parti Keadilan Rakyat (KEADILAN) membuat penyusunan semula beberapa jawatan penting demi memantapkan lagi gerak kerja parti.

Menurut Naib Presidennya Nik Nazmi Nik Ahmad, Pengerusi Majlis Pimpinan Negeri (MPN) Pahang Fuziah Salleh dilantik sebagai setiausaha agung menggantikan Saifuddin Nasution Ismail.

Beliau memaklumkan Saifuddin akan menumpukan usaha sebagai ketua setiausaha Pakatan Harapan, anggota Biro Politik KEADILAN dan ahli Majlis Perundingan Pimpinan Kerajaan Perpaduan.

Katanya, MPP juga menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan dengan melantik Saifuddin sebagai penasihat dengan dibantu lima pemimpin lain berkuat kuasa serta-merta.

Saingan dua penjurur PRK Mahkota

SHAH ALAM - Pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Mahkota pada 28 September menyaksikan pertembungan calon Barisan Nasional (BN) dan Perikatan Nasional (PN).

Calon BN Syed Hussien Syed Abdullah, 40, yang juga Ketua Pemuda Umno Bahagian Kluang dicabar bekas pemain bola sepak Johor Mohamad Haizan Jaafar, 61, dari PN, lapor Bernama.

Pilihan raya itu diadakan ekoran kematian penyandanginya Datuk Sharifah Azizah Syed Zain, 63, pada 2 Ogos ketika menerima rawatan di Hospital Enche' Besar Hajjah Khalsom, Kluang.

Pada pilihan raya negeri 2022, Sharifah Azizah menang dengan majoriti 5,166 undi dalam persaingan empat penjurur melibatkan calon Pakatan Harapan (HARAPAN), PN dan Warisan.

81.9 peratus lokasi nikmati 5G

SHAH ALAM - Sebanyak 7,191 tapak internet berkelajuan tinggi 5G telah siap dibangunkan di seluruh negara termasuk 564 daripadanya di Sabah dan 551 lagi Sarawak.

Menegaskan kerajaan berusaha memastikan rakyat menikmati kemudahan itu, menteri komunikasi memberitahu liputan 5G dinikmati 81.9 peratus di kawasan berpenduduk di seluruh negara.

Fahmi Fadzil menjelaskan liputan sama di kawasan berpenduduk di Sabah pula mencapai 68.9 peratus manakala Sarawak (62.5 peratus), lapor Bernama.

"Saya gembira dengan pembangunan telekomunikasi di negara ini untuk kepentingan rakyat," katanya dalam rakaman sambutan Hari Malaysia peringkat kebangsaan di Kota Kinabalu pada 17 September.

Kesan satu kes cacar monyet

SHAH ALAM - Satu kes baharu cacar monyet atau mpox clade II membabitkan seorang lelaki warga tempatan dikesan pada 16 September, kata ketua pengarah kesihatan.

Dr Muhammad Radzi Abu Hassan menjelaskan pesakit tersebut menunjukkan gejala demam, sakit tekak dan batuk pada 11 September sebelum ruam muncul keesokannya, lapor Bernama.

"Semua kontak bagi pesakit ini sedang dikenal pasti dan status kesihatan mereka akan dipantau mengikut tatacara operasi piawai semasa yang ketat.

"Pesakit tiada sejarah perjalanan ke luar negara dalam tempoh 21 hari sebelum gejala timbul, kini sedang dalam isolasi (pengasingan) dan dalam keadaan stabil," katanya pada 17 September.

Beliau memberitahu lelaki itu antara 58 kes yang disyaki dan dirujuk ke bilik gerakan di Pusat Kesiapsiagaan dan Tindak Cepat Krisis Kebangsaan yang diaktifkan pada 16 Ogos.

2.3 juta kunjungi MAHA 2024

SHAH ALAM - Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) 2024 di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (Maeps), Serdang dikunjungi 2.3 juta orang setakat 17 September.

Ketua pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan yakin sasaran tiga juta pengunjung di dari 11 hingga 22 September mampu di-

capai dalam tempoh terdekat, lapor Bernama.

Abdul Rashid Bahri berkata nilai jualan mencapai RM17.30 juta manakala memorandum persefahaman dan memorandum perjanjian (RM3.1 bilion) dicapai setakat ini berbanding sasaran RM6 bilion.

Katanya, 62 pembeli dari luar negara

dibawa bertemu bakal pengeksport di Malaysia dan RM662 juta potensi jualan dijana hasil 750 padanan perniagaan pada tiga hari pertama penganjuran.

"Kita dapati banyak produk Malaysia sebenarnya mampu untuk menembusi pasaran luar negara tetapi kadangkala mereka tidak berkesempatan," katanya.

Umat dalam persimpangan

Tolak Islamofobia, peralatan agama

SHAH ALAM - Pelajar huffaz perlu dipersiapkan dengan ajaran Islam sebenar bagi berdepan kelompok Islamofobia dan pihak yang menanam kebencian menerusi agama tersebut di negara ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata hal ini kerana amalan Islam di negara ini berada dalam persimpangan lantaran kelompok itu mencemar kesucianya, lapor Bernama.

"Tetapkan pendirian bahawa mesej Islam ini mesej kebenaran, risalah Islam ini risalah keadilan, menyatukan dan

penuh dengan rahmah dan kasih sayang, ini yang harus kita tetapkan.

"Kita faham hak bukan Islam tetapi jangan dia bawa fahaman barat (iaitu) Islamofobia, tak boleh sebut pasal Islam. Jadi, kita harus berdepan pihak ini," katanya pada 14 September.

Beliau dalam majlis Himpunan 24K Huffaz di Masjid Wilayah Persekutuan berkata negara berdepan kelompok membawa Islam dengan penuh kebencian dan menganggap hanya mereka yang baik.

"Orang lain semua tak baik. Kalau

kerajaan semua jahat, yang baik hanya kabilah dan kelompok mereka. Ini jenis asabiyah yang akan merosakkan sendi kekuatan masyarakat.

"Jadi kita terpaksa berdepan dua perkara ini, di satu pihak Islamofobia, yang satu lagi mereka sahaja kelompok Islam," kata Anwar.

Himpunan itu mengumpulkan 24,000 huffaz seluruh negara termasuk pelajar dan guru serta alim ulama dari 1,500 madrasah bawah Gabungan Persatuan Institusi Tahfiz Al-Quran Kebangsaan.

Tiada diskaun harga bahan bergula

SHAH ALAM - Bermula 1 Oktober, produk makanan dan minuman yang mengandungi gula dikeluarkan dari senarai barangan yang diberi potongan harga dalam Program Jualan Rahmah Madani.

Timbalan Menteri Perdagangan Da-

lam Negeri dan Kos Sara Hidup Fuziah Salleh memberitahu langkah itu bagi mengurangkan pengambilan gula dalam kalangan masyarakat, lapor Bernama.

"Jika sebelum ini Jualan Rahmah menawarkan potongan antara 10 hingga 30 peratus, selepas ini barangan seperti susu pekat manis tidak lagi ditawarkan diskaun," katanya pada 11 September.

Menyentuh Kempen Perangi Gula yang dijalankan Kementerian Kesihatan, beliau menambah bahan makanan akan diberi gred tertentu mengikut tahap

kandungan gula.

Fuziah ketika melancarkan inisiatif Jom Kosong mahu menggalakkan pengguna memilih minuman tanpa gula dengan kerjasama pemain industri makanan dalam negara dan persatuan restoran.

"JomKosong ini kita bermula dengan (memesan minuman yang) kosong, kalau kita nak tambah gula baru minta sebab sekarang kalau (pesan) kurang manis yang kita dapat itu masih manis," katanya.

Penarafan baharu PBT

SHAH ALAM - Sistem penarafan baharu diperkenalkan bagi menilai prestasi semua 156 pihak berkuasa tempatan (PBT) di seluruh negara mulai tahun depan.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Nga Kor Ming berkata sistem tersebut bertujuan meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan dan inisiatif kepada masyarakat, lapor Bernama.

"Bawah sistem lampu isyarat, PBT akan diklasifikasi kepada tiga kategori iaitu lampu hijau, kuning dan

merah berdasarkan prestasi mereka," katanya dalam kenyataan pada 16 September.

PBT berprestasi tinggi dilabel lampu hijau dan menerima pembiayaan tambahan, lampu kuning diberi amaran dan peruntukan tertakluk semakan manakala lampu merah berdepan potongan pembiayaan.

Kor Ming memberitahu sistem berkenaan menilai prestasi PBT dengan menawarkan penanda aras yang jelas untuk menambah baik penyampaian perkhidmatan.



KERAJAAN NEGERI SELANGOR
JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN NEGERI SELANGOR

KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa kepada kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan dan Pusat Khidmat Kontraktor/Kementerian Kewangan dalam kelas dan jenis pendaftaran yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja/perkhidmatan berikut:

PEJABAT YANG MEMANGGIL TAWARAN	NOMBOR TENDER TAJUK PROJEK	TARAF	SYARAT PENDAFTARAN	TEMPAT & TARIKH DOKUMEN MULAI DIJUAL	HARGA DOKUMEN & BAYARAN ATAS NAMA	TEMPAT, TARIKH & WAKTU TENDER TUTUP
Bhg. Ukur Bahan dan Kontrak, JPS Negeri Selangor	JPS/N/SEL/SG/12/2024 RANCANGAN TEBATAN BANJIR SUNGAI BERNAM FASA 2, DAERAH SABAK BERNAM, SELANGOR DARUL EHSAN	Terbuka	Berdaftar Dengan CIDB Memegang Perakuan Pendaftaran Kontraktor dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan. Kod Bidang Gred : G6 Kategori : CE Pengkhususan: CE21 & CE36 Kontraktor juga hendaklah berdaftar dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPENS)	Pembelian dokumen tawaran secara Online di laman web https://tender.selangor.my/ . Syarikat dikehendaki melampirkan salinan resit asal bayaran. Resit tersebut hendaklah dilampirkan di mukasurat hadapan dokumen. 25th SEPTEMBER 2024 hingga 16th OKTOBER 2024	RM410.00 Pengarah Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Selangor (Bayaran Secara Online)	Peti Tender, Bhg. Ukur Bahan & Kontrak JPS Selangor, Tkt. 5, Blok Podium Selatan, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, 40626 Shah Alam, Selangor 17th OKTOBER 2024 (KHAMIS) Jam 12.00 tengahari

Taklimat dan Lawatan Tapak : Adalah **DIWAJIBKAN** pada : 24hb September 2024 (Selasa) Masa : 10.00 pagi
Tempat Berkumpul : Pejabat Mekanikal & Stor Parit 1 Timur, JPS Daerah Sabak Bernam (Koordinat: 3.679566, 100.993442).
Kontraktor digalakkan membawa kenderaan jenis 4WD bagi sesi lawatan tapak.

Dokumen Meja Tender boleh disemak dan dokumen tender boleh diperolehi di pejabat berkenaan pada waktu **9.00 pagi** hingga **3.30 petang** sahaja. Waktu rehat **1.00 tengahari** hingga **2.00 petang**. Salinan resit pembelian hendaklah dilampirkan semasa pengambilan dokumen tender.

Dokumen tender akan dikeluarkan kepada wakil-wakil kontraktor yang sah sahaja. Untuk maksud ini wakil-wakil kontraktor hendaklah membawa SUJL ASAL PENDAFTARAN LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN, PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR/KEMENTERIAN KEWANGAN DAN PENDAFTARAN UPENS SERTA SIJIL TARAF BUMIPUTERA PKK jika berkenaan dan satu SALINAN bagi sijil-sijil berkenaan semasa membeli dokumen tender.



KERJASAMA... Delegasi Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) diketuai Datuk Bandar Mohamad Zahri Samingon disambut Datuk Bandar Miyoshi Isao Hayashi ketika melawat bandar itu di Saitama, Jepun pada 5 hingga 10 September. Menerusi lawatan itu MBPJ berkongsi pelaksanaan Inisiatif Bandar Mesra Kanak-Kanak Petaling Jaya. Foto Facebook Majlis Bandaraya Petaling Jaya

Libat PBT Lembah Klang Raya

Guna garis panduan seragam

Oleh **SOFIA NASIR**

SHAH ALAM - Empat pihak berkuasa tempatan (PBT) dalam kawasan Lembah Klang Raya bakal menggunakan satu garis panduan bersepadu menjelang 2026, kata EXCO kerajaan tempatan.

Dato' Ng Suee Lim berkata panduan yang sedang dirangka itu bertujuan memastikan pelaksanaan undang-undang di Klang, Petaling Jaya, Shah Alam dan Subang Jaya diperkemas dan diseragam.

"Empat bandar raya ini akan digabung menjadi Lembah Klang Raya sekali gus diramal menjadi bandar metropolis di Selangor dan Malaysia.

"Kita perlu seragamkan kepakaran,

sumber dan kewangan supaya mereka tidak bersaing sesama sendiri selain memudahkan penduduk untuk mengurus," katanya dalam wawancara baru-baru ini.

Metropolis merujuk kepada bandar raya dengan lebih sejuta penduduk, yang berfungsi sebagai pusat pentadbiran, perniagaan, perdagangan, perindustrian serta berteknologi tinggi.

Suee Lim menambah Selangor turut menubuhkan Mesyuarat Jawatankuasa Penyeragaman bawah Jawatankuasa Induk Majlis Pembangunan Lembah Klang Raya bagi merealisasikan garis panduan itu.

Beliau memberitahu garis panduan berkenaan melibatkan pelan pengubahsuaian bangunan, buku panduan

teknikal kejuruteraan, undang-undang kecil dan pembangunan mampan di setiap PBT.

"Kita akan memastikan semua pihak berkepentingan dan pembayar cukai terlibat untuk memberi maklum balas mereka sebelum garis panduan ini dilaksana secara menyeluruh," katanya.

Lembah Klang Raya diumumkan menerusi Belanjawan 2024 pada November tahun lalu dengan peruntukan RM2 juta bagi menggabungkan Petaling Jaya, Subang Jaya, Shah Alam dan Klang.

Menurut Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari, Lembah Klang Raya berupaya menjadi gagasan ekonomi utama Asia Tenggara dan mampu tersejarah antara lima lembah utama di Asia.

Imbangi lonjakan kos perancangan

SHAH ALAM - Cukai taksiran sesetengah pihak berkuasa tempatan (PBT) tidak dinaikkan hampir 40 tahun meski Akta Kerajaan Tempatan membenarkan kadar tersebut disemak setiap lima tahun.

EXCO Kerajaan Tempatan Dato' Ng Suee Lim menjelaskan Majlis Perbandaran Kajang tidak menaikkan kadar itu selama 39 tahun manakala Majlis Perbandaran Kuala Langat (37 tahun).

"Ramai tidak tahu bahawa Akta Kerajaan Tempatan membenarkan cu-

kai taksiran disemak setiap lima tahun tetapi PBT tidak buat. Ini perkembangan yang tidak sihat," katanya baru-baru ini.

Beliau menegaskan peningkatan kos pengurusan memerlukan penilaian kadar baharu dibuat demi memastikan keberkesanan perancangan bandar sekali gus memberi keselesaan kepada penduduk.

"Memang ada yang cakap jangan susahkan rakyat tetapi dalam masa sama, kita tidak boleh jadi populis. Kita

kena imbangi dengan perkembangan semasa.

"Saya yakin rakyat faham kenaikan ini demi perkhidmatan lebih baik," katanya sambil menambah penyesuaian kadar itu dijangka dibuat tahun depan selepas semua proses penilaian selesai.

Pada 30 Mei, Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari menjelaskan proses penilaian kadar baharu bertujuan memastikan keberkesanan perancangan bandar dan merangka strategi masa depan.

Tumpu tarik lebih lapan juta pelancong

SUBANG JAYA - Selangor menetapkan sasaran kehadiran lebih lapan juta pelancong domestik dan antarabangsa ke negeri ini sempena Tahun Melawat Selangor 2025 (TMS2025).

EXCO Pelancongan Dato' Ng Suee Lim berkata sasaran itu berdasarkan pelbagai tawaran program yang disediakan khusus untuk pelancong selain memberi kesan positif kepada penggiat industri.

"Sektor pelancongan dilihat mampu memberi dampak ekonomi pada masa singkat berbanding pelaburan yang mengambil masa dua ke tiga tahun," katanya baru-baru ini.

Beliau juga menjelaskan Kerajaan Negeri sentiasa membantu dengan menyediakan platform supaya penggiat industri pelancongan dapat menjalin hubungan dengan negara luar.

Sasar 40 peratus pelepasan karbon

SUBANG JAYA - Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) menyoal pengurangan pelepasan karbon sehingga 40 peratus menjelang 2035, kata Timbalan Datuk Bandarnya Mohd Zulkurnain Che Ali.

Beliau memberitahu pelbagai inisiatif diambil termasuk penanaman pokok, galakan penggunaan pengangkutan awam, kitar semula dan program kesedaran pada peringkat sekolah.

"Apabila bercakap rendah karbon antara perkara utama ialah masyarakatnya menggunakan teknologi hijau antaranya pengurangan kenderaan bermotor dan pengurusan sampah sistematik.

"Untuk mencapai itu, MBSJ laksana pelbagai usaha dalam mendidik masyarakat dan kita sasar pengurangan karbon sehingga 40 peratus menjelang 2035," katanya pada 11 September.

Dua kilang kitar semula diarah tutup

SHAH ALAM - Dua kilang kitar semula e-sisa sekitar Ijok, Kuala Selangor diarah tutup serta-merta selain pemilik dikenakan kompaun berikutan tidak memiliki lesen mengilang.

Menurut Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS), kilang di taman perindustrian Bukit Badong dan Jalan Kandar, Kampung Harmoni turut menyebabkan kacau ganggu bau dan alam sekitar.

Dalam operasi bersama agensi berkaitan pada 11 September, dua premis itu disyaki menyimpan dan memproses buangan terjadual termasuk kerak logam, bateri kering dan papan litar plastik.

Kes berkenaan disiasat bawah Undang-undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (Majlis Daerah Kuala Selangor) 2007.

Ketengah produk usahawan Selangor

KUALA LUMPUR - Penyertaan usahawan di Pavilion Selangor sempena Pameran Halal Antarabangsa Malaysia (Mihas) 2024 membantu mereka mengembangkan potensi pasaran eksport produk.

Menampilkan tujuh syarikat, pengu-
rus besar Halal International Selangor
Toyyiba Sdn Bhd berkata Mihas yang
diiktiraf pameran perdagangan halal
terbesar dunia adalah platform promo-
si terbaik buat usahawan perusahaan
mikro, kecil dan sederhana di Selangor.

"Sesi padanan perniagaan dan libat
urus dengan pelbagai pihak di Mihas
bakal membuka jalan lebih luas untuk
produk dan perkhidmatan usahawan di
bawa ke peringkat lebih tinggi.

"Selain itu, ia memberi ruang untuk
usahawan dan syarikat mendapatkan
maklumat terkini dan kajian terbaru
mengenai halal seperti sistem kebo-
lehkesanan halal," kata Muhammad
Syaril Showkat Ali pada 17 September.

2,338 terima bantuan dialisis LZS

SHAH ALAM - Seramai 2,338 pesakit da-
lam kalangan asnaf berdaftar menerima
bantuan dialisis tajaan Lembaga Zakat Se-
langor (LZS).

Agensi zakat negeri memaklumkan
bantuan direkod setakat Ogos itu meliputi
asnaf fakir, miskin, mualaf dan gharimin.

"Semoga dana zakat yang telah diagih-
kan dapat memanfaatkan penerima serta
pesakit dialisis di negeri ini," katanya me-
nerusi Facebook pada 12 September.

LZS turut mengadakan bengkel pemer-
kasaan bantuan dan gerak kerja dialisis
yang disertai 161 syarikat pembekal bagi
memastikan mereka melaksana tanggung-
jawab dengan penuh integriti.

RM30,000 baik pulih kantin sekolah

SHAH ALAM - Perbadanan Wakaf Sela-
ngor (PWS) menyerahkan sumbangan ber-
nilai RM30,000 bagi membaik pulih kantin
Sekolah Kebangsaan Taman Pantai Sepang
Putra, Sepang.

Serahan sumbangan wakaf fisabilillah
pada 11 September itu berupaya mening-
katkan lagi tahap kesesuaian pelajar dan
guru yang menggunakan kemudahan
berkenaan.

"Semoga sumbangan ini memberi man-
faat kepada warga sekolah dan menjad-
ikan jariah yang mengalir kepada pewakaf
yang menyumbang sehingga yaumulakhi-
rah," kata kenyataan pada 11 September.

Menurut PWS lagi, pihaknya turut mem-
beri taklimat bagi menyebarkan dak-
wah, kefahaman dan kesedaran tentang
manfaat berwakaf kepada warga sekolah
berkenaan.

Elak terpengaruh politik melampau

SHAH ALAM - Pelajar yang melan-
jutkan pengajian di Timur Tengah
diingatkan supaya tidak mudah
terpengaruh dengan gerakan
fahaman songsang khusus-
nya politik melampau atau
ekstrem.

EXCO Agama Islam Dr Mo-
hamamd Fahmi Ngah juga
menasihati mana-mana ma-
hasiwa yang berdepan tekanan dan
desakan untuk mengikuti kegiatan
sedemikian supaya segera berjumpa
kaunselor.

Beliau memberitahu pihaknya ada
menerima maklum balas pelajar yang
menyuarakan kebimbangan menge-
nai kegiatan tersebut ketika pentad-
biran negeri berkunjung ke Timur Te-
ngah tahun lalu.



"Segera lapor jika ada
tekanan. Kita juga telah se-
diakan beberapa ruang un-
tuk mereka berjumpa de-
ngan kaunselor yang ada di
sana sekiranya ada berlaku.

"Mereka tidak perlu dibe-
bankan dengan perkara demikian.
Kita hantar belajar untuk belajar. Jadi
pelajar harus berhati-hati dengan per-
kara itu," katanya.

Beliau merasmikan penutupan Kur-
sus Persediaan Pelajar Ke Luar Negara
anjaran Jabatan Agama Islam Selangor

(Jais) di sini pada 14 September.

Program yang meraikan 81 pelajar
yang akan melanjutkan pelajaran ke
Mesir, Jordan dan Maghribi itu turut
dihadiri Pengarah Jais Dato' Mohd
Shahzihan Ahmad.

Fahmi juga memberitahu Tabung
Kumpulan Wang Biasiswa Selangor
dan Lembaga Zakat Selangor (LZS) di-
buka untuk tawaran penajaan kepada
pelajar di Timur Tengah pada setiap
tahun.

Beliau menambah inisiatif tersebut
bertujuan memastikan lebih ramai
anak-anak Selangor menerima man-
faat daripada hasil yang diperoleh Ke-
rajaan Negeri serta kutipan zakat.

Bina 10 jalan baharu

Bangun 21 projek dampak tinggi

Oleh **SOFIA NASIR**

KUALA SELANGOR - Sebanyak 21
projek berdampak tinggi merangkumi
ekonomi, pelancongan, keterjaminan
makanan, sosial dan pemerdayaan ma-
syarakat dirangka dalam Draf Rancan-
gan Tempatan Majlis Perbandaran Kuala
Selangor (MPKS) 2035 (Penggantian) (RT-
MPKS 2035).

EXCO Perumahan Datuk Borhan Aman
Shah berkata semua projek terbabit bakal
menyumbang kepada pertumbuhan
ekonomi sekali gus meningkatkan keles-
tarian pembangunan di Kuala Selangor.

"Dalam konteks ini, perancangan da-
lam Draf RTMPKS 2035 (Penggantian)

telah membentuk empat teras peran-
cangan dengan merangka 40 strategi
pembangunan dan 147 cadangan pem-
bangunan.

"Selaras dengan itu, matlamat me-
rancakkan ekonomi Kuala Selangor ke
arah persekitaran berdaya tahan dan
komuniti inklusif telah dikenal pasti bagi
menyuntik pembangunan di daerah ini,"
katanya.

Beliau melancarkan Program Pub-
lisiti dan Penyertaan Awam bagi Draf
RTMPKS 2035 di Dewan Eco Grandeur
di sini pada 17 September. Hadir sama
Yang Dipertua MPKS Mohamad Hanafe
Basri.

Selain itu, terdapat 10 cadangan pem-
binaan jalan baharu untuk menyuraikan

trafik khususnya di Puncak Alam yang
akan menghubungkan ke beberapa
lebuhraya, kata Borhan.

Menurut beliau, pembinaan tersebut
bakal memudahkan pengunjung ke ka-
wasan pelancongan di Kuala Selangor
terutamanya menjelang Tahun Melawat
Selangor 2025.

Laporan Draf RTMPKS 2035 (Peng-
gantian) dipamerkan kepada awam
selama sebulan sehingga 16 Oktober
menerusi laman sesawang MPKS dan
PlanMalaysia Selangor.

Orang ramai boleh melihat laporan
berkenaan di beberapa lokasi seperti
Jabatan Perancangan Pembangunan
MPKS, PlanMalaysia negeri di Shah Alam
dan Dewan MPKS, Saujana Utama.

Silibus baharu depan Islamofobia

SHAH ALAM - Jabatan Agama Islam
Selangor (Jais) memperkenalkan silibus
baharu bagi memastikan pelajar tahfiz
dिलengkapi ilmu seimbang antara pe-
ngajian al-Quran dengan pendidikan
lain.

Pengarahnya Dato' Mohd Shahzihan
Ahmad berkata perubahan kurikulum
tahfiz memperkenalkan beberapa si-
libus baharu bagi mempersiapkan huffaz
dengan cabang ilmu meluas termasuk
mendepani Islamofobia.

"Kita memperkenalkan perubahan
kurikulum tahfiz, selain beberapa lang-
kah supaya ada silibus baharu yang
diangkat supaya pelajar ini tidaklah
hanya menghafal al-Quran tetapi tahu
apa yang berlaku di sekitar dan ada ke-

bijaksanaan (ilmu lain).

"Tuanku (Sultan Selangor Sultan
Sharafuddin Idris Shah Alhaj) telah ber-
titah, Tuanku tak nak belajar al-Quran
sahaja tapi tidak faham makna al-Qur-
an, pengajaran dari al-Quran. (Jika ti-
dak) macam mana nak menghadapi
Islamofobia?" katanya pada 16 Sep-
tember.

Mengulas lanjut, Mohd Shahzihan
berkata perubahan itu dijalankan ber-
fasa sebelum dikuatkuasakan secara
menyeluruh.

"Kurikulum tahfiz sudah dibangun-
kan cuma kita nak pertingkatkan lagi
kurikulum. Antaranya bahasa Arab dan
pengetahuan am yang dipanggil politik
kenegaraan.

"Bila dia tahu negara, kenal negara,
tahu arah tuju. Kita membahar tentang
negara yang kita sayang. Tidak mahu
nanti tanpa (ilmu) politik kenegaraan
merekah hilang daya kuasa sebagai se-
buah masyarakat akhirnya taksud kepa-
da kumpulan tentu," katanya.

Pada 15 September, perdana men-
teri mahu golongan pelajar huffaz
dipersiapkan dengan ajaran Islam yang
sebenar bagi berdepan kelompok is-
lamofobia dan pihak yang menanam
kebencian menerusi Islam di negara ini.

Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata
hal ini kerana agama Islam di negara ini
berada dalam persimpangan disebab-
kan kelompok itu yang mencemarkan
kesuciannya.



SEMANGAT... Aksi pemain Selangor FC Bawah-23 (B-23) ketika menewaskan PDRM B-23 2-0 dalam perlawanan ketujuh Piala MFL di Stadium UiTM, Shah Alam pada 17 September. Red Giants mendahului liga mengumpul 18 mata. Foto Facebook Selangor FC

Perbaiki pencapaian 2022

Selangor sasar 29 emas Para SUKMA

SHAH ALAM - Kontinjen Selangor menyasar 29 pingat emas dan kedudukan tiga terbaik dalam temasya Para Sukan Malaysia (SUKMA) Sarawak 2024 pada 22 hingga 28 September.

EXCO sukan berkata Selangor bersaing dalam semua 10 acara yang dipertandingkan antaranya badminton, renang, memanah, pingpong dan angkat berat dengan setiap daripadanya berpotensi menyumbang emas.

"Dengan semangat dan aspirasi Selangor bakal tuan rumah SUKMA pada 2026, saya yakin anda semua akan buktikan atlet kita juga tidak kurang hebatnya dari negeri lain.

"Pastikan bendera Selangor berkibar

megah di Sarawak dengan kita mencatat pencapaian lebih baik berbanding edisi sebelum ini," kata Najwan Halimi seperti dilapor Bernama.

Beliau menyempurnakan majlis penyerahan bendera kontinjen Para SUKMA negeri yang turut dihadiri Presiden Persatuan Sukan dan Rekreasi Orang Kurang Upaya (PESRON) Selangor Amrol Ambia pada 13 September.

Najwan berkata cabaran memperbaiki kedudukan keempat keseluruhan dengan 28 emas, 26 perak dan 24 gangsa dua tahun lalu itu digalas 104 atlet yang turut dibantu 56 jurulatih, pengu-rusan serta pegawai pengiring.

Berhubung insentif kepada penyum-

bang pingat, Najwan yang juga ketua kontinjen berkata perkara itu akan dibincangkan bersama Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari dalam mesyuarat EXCO akan datang.

"Insya-Allah saya akan usulkan supaya kerajaan negeri memberi insentif dengan jumlah yang sama sebagaimana yang diberikan kepada atlet SUKMA di Sarawak sebelum ini," katanya.

Pada temasya SUKMA, Kerajaan Negeri menawarkan ganjaran RM10,000 kepada atlet sukan individu yang meraih emas, RM5,000 seorang untuk acara berpasukan bawah lima orang dan RM3,000 seorang bagi acara berpasukan lebih lima orang.

Sedia anjur acara sukan berprestij

SHAH ALAM - EXCO Sukan Mohd Najwan Halimi tekad mengembalikan kegemilangan sukan Selangor seperti yang dikecapi pada era 1990-an.

Menjadi saksi era keemasan sukan negeri, beliau berkata antara langkah awal ialah menyediakan kemudahan elit selain penganjuran acara berprestij seperti Kejohanan Berpasukan Badminton Asia (BATC) dan tuan rumah Sukan Malaysia (SUKMA) pada 2026.

"Saya membesar di Selangor dan

menjadi saksi kegemilangan sukan-nya. Memikul tanggungjawab sebagai EXCO sukan, saya mahu meningkatkan daya saing sukan negeri. Selangor juga memiliki pasukan bola sepak terbaik termasuk mempunyai kemudahan terbaik.

"Selangor merupakan negeri paling membangun dengan kekuatan ekonomi dan kestabilan politik yang utuh. Jadi saya nyatakan kepada Dato' Menteri Besar kini tiba masa kema-

likan era kegemilangan Selangor dalam sukan" katanya pada 12 September.

Menjadi tetamu program bual bicara Lunch On Us!, Selangor Journal, Najwan berkata tumpuan utama negeri kini membangunkan Kompleks Stadium Shah Alam dan penganjuran SUKMA 2026.

Jelas beliau, Selangor turut mempertimbang untuk menjadi penganjur bersama temasya terbesar Asia Tenggara, Sukan SEA 2027.

Kalamullah pemain baharu Selangor FC

SHAH ALAM - Penjaga gol Kalamullah Al-Hafiz diumumkan sebagai pemain baharu Selangor FC bagi menghadapi saingan Liga Malaysia dan ACL2 2024-25.

Bekas pemain PJ City FC dan Kedah Darul Aman FC itu berkata beliau akan cuba menyesuaikan diri dengan kadar segera untuk mencapai kejayaan bersama Red Giants.

"Selangor adalah antara nama kelab yang besar dalam liga Malaysia terutama sekali semasa zaman arwah Mokhtar Dahari, Shukor Adan dan ramai lagi pemain-pemain lain yang pernah bermain dalam kelab ini.

"Suasana di sini agak berbeza bagi saya tetapi bukan satu alasan untuk saya menyesuaikan diri dengan pemain-pemain lain. Harapan saya pula adalah untuk bermain di peringkat yang lebih tinggi dan mencapai banyak kejayaan bersama pasukan ini," katanya.

Mini Karnival Fit Malaysia meriah

KLANG - Hujan lebat tidak menghalang lebih 2,000 peserta menyertai program Mini Karnival Fit Malaysia Selangor 2024 di padang Laman Seni Safari, di sini pada 15 September.

Malah peserta tetap bersemangat menyertai pelbagai program menarik yang diadakan dalam karnival itu antaranya larian lima kilometer, aerobikton, pertandingan lompat tali, pemeriksaan kesihatan dan zumba.

EXCO Sukan Najwan Halimi berkata penganjuran program bertepatan dengan sambutan Hari Sukan Negara dan Selangor merupakan negeri pertama melaksanakannya.

"Kita harap dengan adanya program seumpama ini masyarakat lebih menitikberatkan gaya hidup sihat. Tidak hanya bersukan sempena Hari Sukan Negara sebaliknya jadikan ia amalan berterusan," katanya.

Tze Yong jalani latihan ringan

SHAH ALAM - Pemain perseorangan lelaki negara Ng Tze Yong mula menjalani latihan ringan bersama skuad kebangsaan sejak dua minggu lalu, kata pengarah kejurulatihan Akademi Badminton Malaysia.

Menurut Remy Mainaky, pemain berusia 24 tahun itu masih perlu menjalani pemulihan selepas dua pembedahan belakangnya awal tahun ini, lapor Bernama.

"Sudah berlatih (dan) bergerak dengan pergerakan lebih jauh cuma tidak sepenuhnya. Dia kalau datang sini (Persatuan Badminton Malaysia) mungkin dalam hanya satu jam maksimum.

"(Namun) Tze Yong memang sudah mempunyai pergerakan positif (dan) tidak ada masalah untuk bergerak, cuma (masih) buat rehabilitasi untuk bangunkan kembali kekuatannya," katanya pada 17 September.



DATUK RIZAM ISMAIL
Sungai Air Tawar

menghadiri majlis kenduri dan doa selamat bersama penduduk di DUN beliau

DR FAHMI NGAH
Seri Setia

meraikan sambutan Hari Malaysia bersama penduduk di DUN beliau



ABBAS AZMI
Seri Serdang

menyertai Sambutan Maulidur Rasul di Puchong Utama, Subang Jaya

DR QUAH PERNG FEI
Bandar Baru Klang

meraikan sambutan Pesta Kueh Bulan di pusat beli-belah AEON Bukit Raja, Klang



IZUAN KASIM
Kota Damansara

bersama murid tabika meraikan sambutan Hari Malaysia di DUN beliau

DATUK JOHAN AZIZ
Dusun Tua

mengagih kueh bulan sempena Pesta Tang Lung di Kampung Baru Batu 9, Hulu Langat



CHUA WEI KIAT
Rawang

menyertai perlawanan bola sepak persahabatan di Stadium MPS, Gombak

ONG CHUN WEI
Balakong

memantau kerja baik pulih runtuh tebing di Jalan Seri Kota, Kajang



Salur RM29,000 insentif haji

SHAH ALAM - Seramai 29 jemaah haji muassasah 2024 sekitar Bukit Melawati menerima Insentif Haji Muassasah bernilai RM1,000 setiap seorang, baru-baru ini.

Menurut Yayasan Menteri Besar Selangor (Pemberbadanan) atau penyerahan bantuan berkenaan antara inisiatif tahunan pemberbadanan tersebut demi meri-



ngankan beban jemaah.

"Kerajaan Negeri dan MBI memperuntuk RM6 juta yang memberi manfaat kepada 6,000 jemaah haji muassasah negeri Selangor," menurut kenyataan di Facebook pada 12 September.

Sumbangan tersebut disalurkan kepada Ketua Pegawai Eksekutif MBI Saipolyazan M Yusop dalam majlis meraikan jemaah haji di Balai Penghulu

Mukim Pasangan, Kuala Selangor.

Pada tahun ini, Kerajaan Negeri meningkatkan Insentif Haji Muassasah daripada RM500 kepada RM1,000 melibatkan peruntukan RM6 juta yang membawa manfaat kepada 6,000 jemaah.

Pada Julai, Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari mengumumkan insentif tersebut akan dinaikkan kepada RM2,000 pada 2026 berbanding RM1,000 ketika ini.

Baiki runtuhan tebing

Tujuh projek baik pulih kemudahan

Oleh **SUHAILA SHAHRUL ANNUAR**

SHAH ALAM - Dana RM250,000 dimanafaat bagi menaik taraf kemudahan sukan dan pusat kegiatan masyarakat di sekitar Dewan Undangan Negeri (DUN) Seri Kembangan.

Wakil rakyatnya Wong Siew Ki memberitahu tujuh projek dijayakan iaitu membaiki gelanggang futsal, bola keranjang dan badminton hasil peruntukan Projek Selangor Penyayang (PSP).

Katanya, projek lain antaranya baik

pulih kelengkapan padang cergas di Taman Universiti Indah dan naik taraf lantai di kabin rukun tetangga Jalan SB Indah 1/4, Zon 24, Seri Kembangan.

"Kerja baik pulih melibatkan baik pagar, bumbung, meja dan kerusi selain kelengkapan dan kemudahan di kawasan berkaitan. Semoga ia dapat memberi keselesaan kepada pengguna," katanya.

Sementara itu, Siew Ki menjelaskan projek baik pulih runtuh tebing su-



ngai berhampiran Taman Bukit Serdang, Seksyen 8 dijangka selesai sebelum akhir tahun ini.

Mengambil berat aduan penduduk melibatkan isu keselamatan, beliau berkata Jabatan Pengairan dan Saliran menyediakan dana RM45,000 bagi membaiki paip bawah tanah serta runtuh tebing tersebut.

"Soal keselamatan tiada kompromi, jadi jika penduduk buat aduan kita akan siasat dan segera ambil tindakan sewajarnya," katanya.

RM1.7 juta naik taraf lampu padang

SHAH ALAM - Peruntukan RM1.7 juta disediakan bagi menaik taraf Padang Awam Taman Ehsan, Kepong termasuk memasang lampu diod pemancar cahaya (LED), kata wakil rakyat Bukit Lanjan.

Pua Pei Ling memberitahu kerja yang menggunakan sepenuhnya dana Majlis Perbandaran Selayang giat dijalankan sejak 1 Julai dan projek itu dijadual siap

sepenuhnya pada 16 Disember.

"Usaha itu antaranya membina kabin, tambahan beberapa alatan senaman, kerusi, pemasangan papan tanda, pagar net, naik taraf tandas, stor dan lampu LED," katanya pada 12 September.

Beliau berharap orang ramai dapat memanfaatkan sebaik-baiknya kemudahan tersebut ketika melakukan riadah bersama keluarga atau rakan dengan

tidak merosakkan peralatan tersebut.

"Pembangunan ini sebahagian usaha kita untuk memastikan Bukit Lanjan terus maju dengan infrastruktur selesai dan selamat buat seluruh penduduk.

"Kita harap apabila padang ini siap dinaik taraf kelak, penduduk sekitar dapat beriadah dengan lebih gembira selain tidak melakukan perbuatan laku musnah," katanya lagi.

Pesta Kelaut tarikan pelancongan

KUALA LANGAT - Penganjuran Pesta Kelaut: Glam-ping @ Pantai Kelanang 2024 bakal menjadi tarikan pelancong tempatan dan antarabangsa menjelang Tahun Melawat Selangor 2025 (TMS2025).

Menurut Penyelaras Parlimen Kuala Langat R Haridass, demografi Pantai Kelanang khususnya Kuala Langat yang terletak di pesisir pantai antara kelebihan yang harus ditonjolkan kepada pengunjung.



"Sebagai anak jati Kuala Langat, saya melihat potensi Pantai Kelanang dan kawasan sekitar untuk lebih dikenali sesuai dengan trend eko-pelancongan yang semakin mendapat tempat.

"Daerah ini ada keunikan alam semula jadi terutama pantai rekreasi seperti di Pulau Carey, Pantai Tanjung Rhu, Pantai Morib, Pantai Cenang dan Pantai Tanjung Sepat," katanya.

Beliau dalam majlis pelancaran pesta dua hari pada 14 September menyeru

penduduk mengekal keindahan dan kebersihan Pantai Kelanang supaya terus menjadi tarikan selain Pantai Morib.

"Harapan saya keindahan pantai ini dikekalkan untuk terus menjadi destinasi pilihan keluarga. Komitmen ditunjukkan penduduk setakat ini amat baik kerana mementingkan kebersihan.

"Kita sentiasa menyokong terutama berkaitan pembangunan dan perubahan landskap yang lebih mesra pengunjung seperti medan selera, surau, tandas dan taman permainan kanak-kanak," katanya.

Peluang belia kenali warisan negeri

KUALA LANGAT - Program konvoi motosikal Hari Malaysia Team Selangor ke Kampung Ladang Batu di sini memberi pendedahan kepada 60 belia untuk mengenali budaya dan masyarakat setempat.

Wakil rakyat Tanjong Sepat menjelaskan pelbagai acara menarik disediakan antaranya gotong-royong membersihkan pantai Batu Laut, taman permainan dan perpustakaan desa.

Datuk Borhan Aman Shah memberitahu kegiatan rewang memasak nasi ambeng juga diadakan bagi memberi pendedahan kepada peserta konvoi mengenai penyediaan makanan warisan Selangor.

Katanya, gabungan belia dari Klang, Shah Alam, Ampang, Sepang dan Kuala Langat menyertai program anjuran Team Selangor dengan kerjasama beberapa pihak termasuk wakil rakyat Lembah Jaya.

RM50,000 bina atap pejalan kaki

SHAH ALAM - Sebanyak RM48,445 dibelanjakan bagi membina kanopi laluan pejalan kaki Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) USJ 8, Subang Jaya.

Wakil rakyatnya Michelle Ng Mei Sze memberitahu dana terbesar bawah peruntukan Ahli Dewan Negeri itu turut digunakan untuk melebarkan pintu masuk laluan kedua sekolah.

"Saya terima permohonan daripada pihak sekolah untuk pembinaan ini kerana kanopi penting bagi memudahkan pelajar menung-gu ibu bapa terutama ketika hujan.

"Saya meluluskan peruntukan ini meski jumlahnya agak besar berikutan kira-kira 60 peratus pelajar SMK USJ 8 berasal daripada keluarga B40," katanya baru-baru ini.

Michelle menjelaskan pemasangan kanopi bersaiz 91 meter panjang dan 2.8 meter lebar itu siap sepenuhnya pada 12 Julai dan memanfaatkan 900 pelajar.

Baiki surau, pusat kegiatan masyarakat


KUALA LANGAT - Dana Projek Selangor Penyayang (PSP) dimanafaat bagi membaiki surau dan pusat kegiatan masyarakat di Dewan Undangan Negeri (DUN) Lembah Jaya.

Menurut wakil rakyatnya Ahmad Syed Abdul Rahman Alhadad, projek naik taraf prasarana menggunakan peruntukan RM250,000 turut menumpukan pembinaan kemudahan di kawasan luar sekolah.

"Kita bina kemudahan tempat menunggu di luar sekolah untuk keselesaan murid dan baik pulih pagar surau kepada pagar batu untuk elak kemasukan haiwan berbisa yang membimbangkan penduduk.

"Ada yang siap, ada yang sedang berjalan melibatkan kira-kira tujuh projek dan fokus kita kepada dewan komuniti, surau dan kawasan luar sekolah," katanya pada 15 September.

selangorkini



Cerpen, puisi & esei
**HADIAH SASTERA
SELANGOR
2024**

terbit setiap Sabtu dan Ahad
di portal selangorkini.my

Tengku Zatashah rasmi kempen bebas plastik

KUALA LANGAT - Yang Amat Mulia Tengku Datin Paduka Setia Zatashah berkenan menyertai program membersihkan Pantai Morib bersama sukarelawan dan agensi negeri.

Anakanda kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor itu berjalan sejauh dua kilometer untuk mengutip sampah di kawasan tersebut selain merasmikan Kempen Bebas Plastik peringkat negeri.

"Ramai juga sukarelawan yang hadir turut serta dengan program ini. Keseluruhannya, sebanyak 177.8 kilogram sampah berjaya dikutip, semua bersemangat.

"Terima kasih kepada semua yang datang (pembersihan pantai), menjaga alam sekitar. Jumpa lagi pada masa depan," titah beliau pada 14 September.

27 kompaun kilang di Teluk Gong

SHAH ALAM - Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK) menafikan dakwaan tiada tindakan diambil terhadap kilang-kilang di sekitar Teluk Gong, Klang, kata pengarah Jabatan Komunikasi Korporatnya.

Menurut Norfiza Mahfiz, sebanyak 27 kompaun dikeluarkan menerusi 18 operasi tahun ini di kawasan tersebut oleh Jabatan Pelesenan bersama Jabatan Penguatkuasa MBDK.

"MBDK sentiasa melakukan pemantauan bagi memastikan kawasan Teluk Gong bebas dari kilang tidak berlesen.

"Terdapat 274 kilang berlesen di Teluk Gong. Sebanyak 47 kilang berkaitan plastik dengan tiga premis memiliki Permit Import (AP)," katanya pada 18 September.

Beliau mengulas laporan akhbar pada 15 September yang mendakwa Teluk Gong berdepan pencemaran akibat puluhan kilang memproses sisa industri yang dipercayai beroperasi secara haram.

Infak bina kompleks asrama anak yatim

SHAH ALAM - Orang ramai diseru untuk menyalur sumbangan bagi merealisasikan pembinaan Kompleks Asrama Anak Yatim Pulau Indah bernilai RM17 juta.

Pengurus Besar Yayasan Islam Darul Ehsan (Yide) Nur Mohd Razali Abdullah berkata dana terkumpul bernilai RM9.7 juta dan sumbangan menerusi yide.com.my/inafaq-kompleks-anak-yatim/

"Baki dana yang diperlukan adalah RM7.3 juta. Yide menyeru orang ramai untuk infak wang dan harta bagi memastikan pembangunan kompleks ini disiapkan mengikut jadual iaitu pada Januari 2026," katanya pada 10 September.



BANGGA...
Beregu wanita negara meraikan kejayaan menjuarai Terbuka Hong Kong 2024 menewaskan pasangan China Liu Sheng Shu-Tan Ning 21-14, 21-14 dalam perlawanan akhir di Kowloon pada 15 September.
Foto Badminton Photo

Pemain termuda harumkan nama negara

Wolfsburg serap Qaseh Rania

Oleh **SHEEDA FATHIL**

SHAH ALAM - Yayasan Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI berbangga dengan kejayaan Qaseh Rania Khairul Najib yang diserap ke kelab bola sepak VFL Wolfsburg.

Ketuanya Ahmad Azri Zainal Nor berkata pihaknya yakin pemain termuda Liga Super Wanita Persatuan Bola Sepak Selangor itu mampu beraksi cemerlang, sekali gus mengharumkan nama negara.

"Tahniah saya ucapkan kepada Qaseh Rania kerana berjaya mencuri tumpuan VFL Wolfsburg. Saya amat yakin Qaseh Rania mampu menyerlah setelah berjaya buktikan kemam-

puannya semasa tempoh percubaan selama lima minggu," katanya pada 18 September.

Beliau turut berharap kejayaan pemain berusia 14 tahun itu mendapat perhatian semua pihak terutama Peratuan Bolasepak Malaysia, termasuk membantu Qaseh Rania dalam urusan permit di VFL Wolfsburg.

"Saya yakin kerjasama semua pihak seperti FAM, Kementerian Belia dan Sukan serta Kementerian Dalam Negeri amat ditagih dalam memastikan bakat besar ini beraksi di Bundesliga," kata Ahmad Azri.

MBI membantu membangunkan bakat Qaseh Rania sejak 2020 termasuk menaja kos RM15,000 ketika mengikuti program latihan bersama kelab NK

Osijek (Liga 1 Croatia) pada 2022.

Bakat Qaseh Rania berjaya mencuri perhatian kejurulatihan kelab gergasi Eropah itu, namun bapanya memohon bantuan semua pihak membantu urusan permit anaknya.

"Alhamdulillah, selepas lima minggu sesi percubaan dengan Wolfsburg, permainan dan kebolehan Qaseh Rania ini mendapat pujian daripada pihak kejurulatihan dan mereka bersedia menyertainya dalam pasukan belia.

"Lebih membanggakan dia dapat masuk untuk dua pasukan iaitu bawah 15 tahun (B-15) dan bawah 17 tahun (B-17). Dia satu-satunya pemain yang berusia 14 tahun beraksi dalam pasukan B-17," kata Khairul Najib Ibrahim seperti dilapor Sinar Harian.

Perluas muzik cempuling ke sekolah

KUALA LANGAT - Muzik cempuling yang menjadi identiti negeri akan diperluas peringkat sekolah di seluruh daerah di Selangor, kata Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari.

Beliau memberitahu peruntukan khas disediakan dalam belanjawan negeri 2025 pada akhir tahun ini bagi memastikan kesenian itu terus berkembang.

"Setakat ini, kita ada 15 kumpulan cempuling di Selangor. Kita akan bawa seni ini ke sekolah-sekolah dan kembangkan. Ini akan jadi identiti dan imej Selangor pada masa depan.

"Walaupun asasnya seni cempuling ini dari masyarakat Jawa tetapi kita mahu ambil semangatnya iaitu semangat berkumpul dan menyanyikan lagu

berunsur nasihat," katanya.

Beliau berucap ketika merasmikan Festival Selangor di Dataran Pantai Batu Laut di sini baru-baru ini.

Dalam program julung kali anjuran Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara itu turut melancarkan lagu keroncong 'Inilah Selangor' sebagai simbolik majlis perasmian.